




Unit Dewan Negeri Pahang,  
Tingkat 1, Blok A, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan.  
T: 09-512 6623 / F: 09-516 1443  
E: [dun@pahang.gov.my](mailto:dun@pahang.gov.my)  
W: <http://www.pahang.gov.my>

**MESYUARAT KE-2 PENGGAL KE-2  
DEWAN NEGERI PAHANG  
KE-14**



**PENYATA  
RASMI**

**TARIKH : 19 OGOS 2019  
(ISNIN)**



**MESYUARAT KE-2  
PENGAL KE-2  
DEWAN NEGERI PAHANG  
KE-14**

**19 OGOS 2019 (ISNIN)**



# KANDUNGAN

19 OGOS 2019 (ISNIN)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PENGESAHAN PERINGATAN MESYUARAT	2
4	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	2
5	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2019 (DN 23/2019).	33
	BACAAN KALI PERTAMA	33
	BACAAN KALI KEDUA	33
	BACAAN KALI KETIGA	35
6	USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2019	36
	MEMORANDUM PERBENDAHARAAN TAMBAHAN PERTAMA BELANJA PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2019 (DN 27/2019)	
7	PENANGGUHAN	37





**MESYUARAT KE-2 PENGGAL KE-2  
DEWAN NEGERI PAHANG YANG KE-14  
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

**Hari Pertama : 19 Ogos 2019 (Isnin)**

**Masa : 9.00 Pagi**

**HADIR:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang  
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,  
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang  
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,  
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

- **Jelai**

**Pengerusi Jawatankuasa:**

**Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.**

**Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,  
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

- **Lanchang**

**Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,  
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.

- **Benta**

**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi**

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin,  
SSAP., DIMP., AMP., BCM.

- **Kuala Sentul**

**Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat,  
Pembangunan Wanita dan Keluarga**

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad,  
SSAP., DIMP., AMP., AMN.

- **Kerdau**

**Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan**

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman,  
SSAP., DIMP.

- **Guai**

**Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam  
dan Inovasi**



- Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain,  
SSAP., DIMP., PPA.  
**Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan  
Bukan Kerajaan** - **Tioman**
- Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram,  
DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.  
**Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli** - **Batu Talam**
- Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah,  
DSAP., DIMP.  
**Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan  
dan Hal Ehwal Pengguna** - **Pulau Tawar**
- Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda,  
AMP., PKC.  
**Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan** - **Lepar**
- Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,  
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**
- Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,  
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
- Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,  
SSAP., DSAP., DIMP., SMP. - **Inderapura**
- Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun,  
SSAP., DIMP., SMP. - **Chini**
- Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar,  
SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK.  
**(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)** - **Jenderak**
- Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman,  
DIMP., SMP. - **Kemayan**
- Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah,  
DIMP., AMP. - **Sungai  
Leming**
- Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud,  
DIMP., SMP - **Pulau Manis**
- Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long,  
DIMP. - **Padang  
Tengku**
- Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali,  
SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC. - **Peramu Jaya**
- Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin,  
DIMP. - **Kuala  
Semantan**



Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	- <b>Bukit Ibam</b>
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	- <b>Muadzam Shah</b>
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	- <b>Cheka</b>
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	- <b>Beserah</b>
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	- <b>Tanjung Lumpur</b>
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	- <b>Tras</b>
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	- <b>Sabai</b>
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- <b>Bilut</b>
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- <b>Triang</b>
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	- <b>Semambu</b>
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- <b>Teruntum</b>
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	- <b>Luit</b>
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	- <b>Panching</b>
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badaruddin	- <b>Tahan</b>
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	- <b>Chenor</b>
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	- <b>Jengka</b>
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	- <b>Damak</b>
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	- <b>Tanah Rata</b>
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	- <b>Mentakab</b>

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II  
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

**Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,**

Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,  
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

**Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,**

Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun,  
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

**Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,**

Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,  
SSAP., DSAP., AMP.



**SETIAUSAHA MESYUARAT:**

Encik Zulhanin bin Ab. Ghani, AMP.

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF:**

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff,  
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.

**Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi  
dan Multimedia**

- **Bebar**

Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman

- **Ketari**



## **SETIAUSAHA DEWAN**

Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari (Isnin) : 19 Ogos 2019  
Bersamaan : 18 Zulhijjah 1440 Hijriah  
Masa : 9.30 pagi

## **DOA**

Bacaan doa.

### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk Negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkatMu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandu pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamين.

## **SETIAUSAHA DEWAN**

Perkara Pertama: Pengesahan Peringatan Mesyuarat.

Pengesahan Peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas pada 15, 16, 17, 18 dan 19 April 2019 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

### **YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas pada 15, 16, 17, 18 dan 19 April 2019 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

### **YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalnya sekarang ialah suatu cadangan bagi mengesahkan peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Keempat Belas pada 15, 16, 17, 18 dan 19 April 2019 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju, sila nyatakan “Ya”.

**AHLI-AHLI DEWAN**

Ya.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

**SETIAUSAHA DEWAN**

Perkara kedua: Pertanyaan dan Jawapan.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita mengangkat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama menghadiri Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Yang Keempat Belas pada pagi yang ceria dan murni ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya amat gembira pada hari dan saat ini, diri saya dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat saya kelihatan... telah dikurniakan oleh Allah SWT kesihatan yang baik, tubuh badan yang sempurna, akal yang waras bagi membolehkan kita semua memikul amanah rakyat dengan sempurna dan terbaik. Marilah kita bersama-sama mengambil saat yang cukup istimewa ini untuk diabadikan kepada rakyat dan negeri yang tercinta ini.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk kita meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini. Saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ibam untuk mengemukakan pertanyaan, silakan.

**YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD**

Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Tuan... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya Nombor 1.

[Berapakah jumlah keluasan Hutan Simpan yang masih ada di Pahang dan jumlah keluasan yang telah diterokai secara haram serta dimanakah kawasan tersebut?]



**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Ibam kerana bertanyakan soalan er... berapakah jumlah keluasan Hutan Simpan yang masih ada di negeri Pahang dan jumlah keluasan yang telah diteroka secara haram. Untuk makluman er... Yang Berhormat daripada Ibam dan Ahli-ahli Dewan, sehingga Jun 2019, kawasan hutan bagi negeri Pahang adalah sebanyak 2,056,696 hektar iaitu 57% daripada keseluruhan keluasan negeri Pahang. Hektar... kalau ekar kali dengan 2.5, lagi banyaklah maknanya, ya. Daripada jumlah kawasan hutan tersebut, 1.5 juta hektar adalah kawasan hutan yang dirizabkan sebagai Hutan Simpanan Kekal ataupun HSK. Ianya merangkumi 43% daripada keseluruhan keluasan negeri Pahang.

Mengikut rekod, seluas 2,530 hektar ataupun 0.165% daripada keseluruhan Hutan Simpanan Kekal di negeri Pahang telah diteroka secara haram. Antara kawasan yang terlibat ialah di Gunung Benom, Raub dan di Lesung, Rompin dan ada beberapa lagi termasuklah di Cameron Highlands. Untuk makluman ADUN daripada Ibam keseluruhan... secara keseluruhannya negeri Pahang masih berupaya mengekalkan kawasan berhutan dan rizab Hutan Simpan Kekal pada kadar peratusan yang tinggi. Walaupun kita giat membangunkan ekonomi dan pembangunan negeri. Kerajaan Negeri Pahang akan terus komited untuk mengekalkan kawasan-kawasan berhutan di negeri Pahang demi kelangsungan alam sekitar dan ekosistem. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD**

Soalan tambahan.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Sila Ibam.

**YB. DATIN SAMSIAH BINTI ARSHAD**

Memandangkan bahawa hutan ini sangat penting, ia melibatkan kepada err... perubahan keadaan cuaca juga. Jadi saya ingin bertanya soalan er... tambahan ya... apakah bentuk tindakan yang er... telah diambil kepada peneroka-peneroka haram ini? Terima kasih.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Setakat hari ni Jabatan Perhutanan Negeri Pahang err... sentiasa memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya err... sekiranya ada berlaku er... aktiviti-aktiviti pencerobohan secara haram dan er... ini memang telah diperuntukkan di dalam Akta Perhutanan 1984, kerana sesiapa sahaja yang memasuki kawasan err... Hutan Simpan Kerajaan ini, Hutan Kerajaan, maka mereka akan err... dikenakan tindakan dibawah Seksyen 47 (i).

Untuk makluman err... ADUN daripada Ibam juga, pada tahun ini sahaja terdapat 3 aktiviti err... yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang untuk menguatkuasakan penerokaan secara haram ini dan er... dikenali dengan er... setiap operasi ini, biasanya Jabatan Perhutanan akan menamakan operasi dia. Kalau politik



dulu kita ingat Operasi Lalang ya... tapi hutan ni dia ada nama dia yang tersendiri. Ada 3 operasi yang telah dibuat setakat ini. Operasi yang pertama dipanggil Ops Tanglung. Sebab apa dipanggil Tanglung? Saya pun tak tahu. Dah tu operasi yang kedua, dipanggil Ops Lombong 4, operasi yang ketiga Ops Ronda. Dan ini melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Sebagai contohnya Ops Tanglung melibatkan PDRM dan operasi dibuat er... pada bulan Januari iaitu 29 hingga 31 Januari. Manakala Ops Lombong 4 melibatkan PTG, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Galian, Badan Kawal Selia Air, Imigresen, PDRM dan PDT Lipis. Ini telah dibuat operasi pada 1 hingga April 2019. Dan yang terakhir setakat ini sehingga Mei iaitu pada 15, 16 Mei, Ops Ronda. Agensi yang terlibat ialah er... JPJ. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Sila Beseerah.

#### **YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Err... saya mohon penjelasan sedikit soalan sebagai soalan tambahan daripada pihak kerajaan. Apakah er... asas yang diambil oleh pihak kerajaan di dalam menjalankan operasi-operasi tersebut er... dan kekerapan yang dibuat? Sebab bagi kita walaupun operasi tersebut berjaya er... sebahagiannya untuk mengekang kegiatan er... balak haram ini tetapi kegiatan itu berterusan, masih lagi berlaku. Jadi, apa asas kekerapan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menjalankan operasi-operasi sebegini? Terima kasih.

#### **YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Asasnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali sekiranya ada aduan yang dikemukakan oleh *public* dan er... bila ada aduan Jabatan Perhutanan akan menyiasat dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Itu yang pertama. Yang kedua adalah hasil daripada yang... pejabat, jabatan berkenaan yang dapat maklumat. Maksudnya mereka sendiri. Yang ni daripada luar, *public* bagitau. Yang ini jabatan itu sendiri kerana mereka pun ada kaedah-kaedah tertentu untuk melihat sekiranya ada berlaku pencerobohan secara haram ini dan tindakan bukan boleh diambil dapat tau hari ini, esok terus pergi kuatkuasa, tidak. Kerana ini yang pertama akan melibatkan keselamatan, yang kedua melibatkan tenaga. Kerana kita tahu er... mereka yang melaksanakan kerja-kerja haram ini bukan calang-calang orang juga ya. Kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita boleh katakan kalau di Cameron Highlands ada *mafia*, ada *gangster*, sebab itu er... pejabat PTG pernah diugut dan sebagainya.

Maksudnya kemudian kita tengok juga kepada keluasan. Keluasan yang dibuat. Oleh sebab Kerajaan Barisan Nasional Kerajaan Negeri Pahang ni sangat prihatin, kalau sekiranya diteroka secara haram untuk sara hidup contohnya, penguatkuasaan itu mungkin diambil agak lewat sikit ataupun er... kita pejam mata sebelah. Tetapi kalau dibuat secara berskala besar, tindakan akan diambil setelah kita er... melengkapkan keanggotaan, kelengkapan peralatan er... siasatan rapi, baru kita kuatkuasa. Jadi dengan kata lain, untuk maklumat Yang Berhormat tidak dibuat secara tergesa-gesalah ya. Kita akan buat selepas kita mengkaji er... dan bila sampai masa kita masuk. Sebab itu sehingga tempoh sekarang ini sehingga bulan Ogos ini baru ada 3 yang kita buat dan insyaAllah akan ada lagi dan er... dalam masa yang sama juga saya difahamkan kalau yang tidak besar tu kadang-kadang kita bagi tahu, kita bagi



tahu mintak mereka hentikan penguatkuasaan ini er... pencerobohan ini. Jika tidak, tindakan penguatkuasaan akan diambil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YB. ENCIK SIM CHON SIANG**

Soalan tambahan.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Teruntum.

**YB. ENCIK SIM CHON SIANG**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kawasan sebelah dengan bandar Sungai Lembing, kebanyakan hutan sudah kosong. Soalan saya, berapakah hektar telah diluluskan oleh pihak kerajaan di kawasan tersebut? Terima kasih.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan' Yang di-Pertua,

Solan ini sangat baik, tetapi untuk saya menjawab secara spesifik berapa hektar, saya tidak ada rekod. Jadi lepas ini saya boleh bagitau kepada Yang Berhormat Teruntum. Terima kasih ya YB.

**YB. ENCIK SIM CHON SIANG**

Terima kasih er... jawapan telah diberi oleh Menteri Besar. Saya minta pihak kerajaan ambil perhatian sebab er... masa saya naik kapal terbang, saya tengok sebelah tu kebanyakan sudah kosong. Kalau nak gambar nanti saya boleh hantar. Saya ambil gambar juga. Terima kasih.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Boleh. Saya alu-alukan kalau Yang Berhormat nak hantar, tetapi pasal apa tunggu Sidang Dewan baru Yang Berhormat nak hantar?. Bila Yang Berhormat naik kapal terbang tu? (Ahli Dewan Ketawa). Bila... bila Yang Berhormat naik?.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Bila Yang Berhormat?.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Naik kapal terbang ke naik helikopter?

**YB. ENCIK SIM CHON SIANG**

Saya naik *private jet*.



**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Kalau naik *private jet* adakah kawasan yang YB ambil tu kawasan Sungai Lembing? Pasti tak? Sebab kita di Pahang ni luas. Negeri yang paling luas di Semenanjung. Kemungkinan itu Cameron Highlands. Di kawasan Cameron Highlands. Ataupun di Kelantan. Jadi YB nanti dulu, YB dah... dah pastikan itu Sungai Lembing?.

**YB. ENCIK SIM CHON SIANG**

1000% pasti.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Tak apalah, lepas ni YB tunjuk pada saya ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Teruntum. Baiklah, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Kita beralih kepada soalan berikut. Saya jemput Wakil dari Tanah Rata. Sila.

**YB ENCIK CHIONG YOKE KONG**

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin... saya mohon kemukakan soalan nombor 2.

[Bayaran fi kemasukan ke Mossy Forest, Cameron Highlands dikenakan bermula 1 Mac 2019.

- a) Berapakah hasil kutipan untuk setiap bulan sehingga kini?
- b) Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk menaiktarafkan kemudahan atau fasiliti di Mossy Forest?]

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada YB ADUN dari Tanah Rata yang bertanyakan berapakah hasil kutipan untuk setiap bulan sehingga kini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri er... baru sahaja mengenakan fi kepada pengunjung-pengunjung yang datang melawat ke Mossy Forest di Tanah Rata, Cameron Highlands iaitu pada bulan Mac tahun ini. Alhamdulillah setakat ini, pada bulan Mac sahaja terdapat 4,885 pengunjung dan hasil yang dikutip ialah sebanyak RM71,145.00. Bagi bulan April, 4,110 pengunjung, hasil yang dikutip sebanyak RM82,495.00. Bagi bulan Mei seramai 4,346 pengunjung, jumlah yang dikutip sebanyak RM68,245.00. Bagi bulan Jun 5,333 orang pengunjung, hasil yang dikutip sebanyak RM87,730.00. Jumlah pengunjung daripada Mac hingga Jun seramai 18,674 orang dan jumlah kutipan ialah sebanyak RM309,615.00.



Manakala soalan kedua, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menaiktaraf kemudahan fasiliti di Mossy Forest? Untuk makluman er... Yang Berhormat, pada masa ini pihak kerajaan telah menaiktarafkan tempat letak kereta, kaunter tiket, tandas, laluan pelantar, pondok rehat, papan tanda, menara pandang dan beberapa perkara yang lain. Ini adalah sebagai langkah penambahbaikan kemudahan di Mossy Forest dan pihak negeri juga sedang mengkaji kesesuaian untuk memanjangkan laluan pelantar ke arah Gunung Irau bagi mengelakkan hakisan dan mampatan tanah yang disebabkan oleh pendaki. Memandangkan kawasan Mossy Forest ini adalah kawasan tanah tinggi yang amat sensitif kepada alam sekitar, setiap pembangunan yang dicadang di kawasan tersebut perlu mempunyai perancangan yang teliti dan dibuat kajian impak kepada alam sekitar.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Soalan tambahan ya.

**YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG**

Soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada Dato' Sri Menteri Besar. Di sini saya ingin er... membuat satu soalan tambahan iaitu bolehkah pihak kerajaan memandangkan pendapatan yang lumayan telah dijanakan melalui kutipan tiket memasuki Mossy Forest. Oleh itu, bolehkah pihak kerajaan er... pada masa yang akan datang mewujudkan er... bilangan staf seperti Renjer, *Tour Guide* dan juga er... peronda di kawasan Mossy Forest sebab buat masa sekarang hanya dua orang pekerja yang duduk di kaunter tiket mengutip tiket sahaja, yang lain tiada. Oleh itu bolehkah wujudkan lebih banyak bilangan pekerja untuk menjaga, memimpin dan juga meronda di kawasan Mossy Forest. Terima kasih.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri akan melihat mengikut keperluan. Sekiranya ada keperluan perlu tambah, kita tambah tak ada masalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikutnya saya jemput wakil daripada Mentakab mewakili ADUN Ketari.

**YB. ENCIK WOO CHEE WAN**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya bagi pihak er... Ketari memohon mengemukakan soalan nombor tiga.  
[Apakah yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memastikan kes pencemaran industri yang berlaku di negeri lain tidak berlaku di negeri Pahang. Adakah kawasan-kawasan yang berisiko tinggi telah dikenal pasti dan diselia dengan baik?]

**YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingat tadi saya pun nak wakil juga jawab soalan saya (ketawa) pasal yang bertanya soalan saya pun dia mewakilkan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pelupusan Buangan Merbahaya yang dipengerusikan oleh Exco er... Yang Berhormat Exco Alam Sekitar Negeri Pahang bersama dengan Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan keanggotaan jawatankuasa ini melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan pada er... 15 Mei 2019. Jawatankuasa ini berfungsi untuk memastikan tindakan cepat dan tepat dalam melaksanakan... dilaksanakan oleh setiap agensi yang berkaitan bagi menangani kejadian pelupusan buangan berbahaya yang melibatkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah diadakan pada 5 Julai 2019 dan saya nak maklumkan bahawa er... Mei er... 15 Mei ini adalah kelulusan daripada Exco ya, daripada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Dalam mesyuarat tersebut kita telah membincangkan tindakan susulan yang perlu diambil terhadap *input* yang diberikan oleh Agensi Remote Sensing berkaitan kawasan yang disyaki berdasarkan cerapan imej satelit dan perlu diverifikasi dalam tempoh sebulan oleh agensi-agensi yang berkaitan yang diarahkan bertindak secara bersepadu. Selain daripada itu Jabatan Alam Sekitar negeri Pahang juga melalui program penguatkuasaan tahunan, sentiasa memeriksa dan memantau secara berkala ke atas kilang-kilang berpotensi untuk mencemarkan alam yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 melalui pemeriksaan lapangan pemantauan melalui pendekatan *online monitoring* seperti *continuous emissions schedule risk information system*, *online effluent monitoring report err... electronic schedule risk information system*, pendekatan keperluan orang yang berwibawa dalam menguruskan...

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Balik daripada Mekah ni dia kelabu sikit mata. Ha itulah...

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

*Slow-slow* Yang Berhormat, boleh baca jawi.

#### **YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN**

(Ketawa) Nanti mendapat tentangan pula Yang Berhormat Yang di-Pertua. Er... menguruskan alat kawalan pencemaran, meningkatkan keperluan laporan pematuhan oleh audit pihak ketiga, *third party auditor* dan pelaporan program pengawasan dan pemantauan alam sekitar. Selain daripada itu kerajaan negeri juga memberi perhatian kepada kawasan-kawasan berisiko tinggi yang telah dikenali... yang telah dikenalpasti meliputi kawasan-kawasan perindustrian, terutamanya kawasan er... perindustrian berat dan sederhana seperti kawasan perindustrian Gebeng, MCKIP, Pelabuhan Klang, kawasan-kawasan perindustrian Semambu, kawasan perindustrian Bentong, kawasan perindustrian er... Mentakab untuk diberikan perhatian yang lebih dan dipantau secara lebih dekat oleh agensi-agensi tersebut. Kita sebenarnya Yang Berhormat Yang di-Pertua selepas sahaja berlaku peristiwa di Sungai Kim Kim, kita segera melaksanakan ataupun menubuhkan jawatankuasa ini. Terima kasih.



**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat.

**YB. ENCIK LEE CHIN CHEN**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Err... soalan tambahan saya err... sekarang kita dah dapat er... informasi daripada er... Kerajaan Pusat bahawa kita mengada syarat baru untuk kilang Lynas ini dan dari berita kita dah tahu er... sekarang er... Kerajaan Pusat minta Lynas untuk mendapatkan tapak untuk membina PDF. Soalan saya adalah... apakah pandangan bagi Kerajaan Negeri jika dapat permohonan tanah untuk membina PDF di dalam negeri Pahang ini? Sekian terima kasih.

**YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN**

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Yang mengeluarkan lesen untuk operasi Lynas ini adalah Kerajaan Pusat dan yang mencadangkan supaya er... kawasan er... untuk dibina di negeri Pahang ini juga adalah Kerajaan Pusat dan dulu cadangan ini dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan sebelum PRU ke-14 dan kita tahu Kerajaan Barisan Nasional telah pun kalah di peringkat pusat dan kita ingatkan selepas Kerajaan Pusat ini menang PH kerajaan baru ini dia akan tutup Lynas, rupa-rupanya Lynas ini sebenarnya tidak bahaya dan telah pun diiktiraf sendiri oleh Kerajaan Pusat yang ada sekarang ini.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita tunggu dulu permohonan daripada Kerajaan Pusat er... kata selepas itu kita akan bincang bagaimana untuk kita buat keputusan. Kalau sekiranya Kerajaan Pusat yang mempunyai *authority* mengatakan selamat maka perkara itu selamatlah. Kita di Kerajaan Negeri, kita bukan ada teknikal er... seperti Kerajaan Pusat ada. Kita tidak ada Jabatan Atom, kita tidak ada jabatan apa lagi, Jabatan Nuklear dan sebagainya. Kita tak ada. Kita bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Jika sekiranya Kerajaan Pusat okey, kita okey. Kalau sekiranya Kerajaan Pusat tak okey kita tak okey dan sekiranya Kerajaan Pusat katakan bahawa dia nak letak pulak *waste* tu di Pulau Pinang kita lagi setuju, sebagai contohlah.... dah saya yakin Kerajaan Pulau Pinang mesti setuju, pasal apa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pulau Pinang tu sama ha... terima kasih.

**YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG**

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan tambahan. Dilaporkan dalam pihak media bahawa lima tapak telah dikenalpasti iaitu di Lepar, Luit, Padang Tengku, Bukit Ibam dan juga Chini. Jadi, saya pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri bahawa adakah lima tapak ini telah dikenalpasti dan pada masa yang sama er... kita dapati bahawa kelulusan tanah perlu datang dari Kerajaan Negeri, maka tidak boleh kata semuanya daripada Kerajaan Pusat dan adakah Pahang boleh dapat satu tempat yang sesuai yang itu perlukan budi bicara daripada pihak Kerajaan Negeri. Maka saya minta penjelasan daripada Dewan ini sama ada Pahang sesuai atau tidak ataupun negeri lain lebih sesuai. Mungkin Terengganu lebih sesuai kita tidak pasti. Terima kasih.



**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya minta izin daripada rakan saya untuk menjawab soalan daripada Semambu. Yang pertama sekali, kalau YB Semambu *follow* saya punya *facebook*, saya ada buat komen. Yang pertama sekali, saya kata setakat ini tidak ada perbincangan dengan saya berhubung dengan tapak pembuangan sisa Lynas ini, itu yang pertama. *Clear* ya YB ya. Tidak ada perbincangan. Yang kedua sudah pastinya Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan rakyat. Kalau sekiranya tapak itu dipersetujui, itu yang kedua. Saya ingat yang tu *very clear* dan sebagai tambahan saya nak bagitahu kepada Yang Berhormat daripada Semambu, Lynas ni sebenarnya ialah cadangan daripada Kerajaan Persekutuan daripada *MIDA*, supaya pelaburan ni dibuat di Malaysia dan dipilih pada masa itu Terengganu dengan Pahang, tetapi Pahang er... mengambil peluang ini sebab membawa pelaburan. Itu kedudukan semasa dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ya.

**YB. ENCIK LEE CHIN CHEN**

Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

**YANG DI-PERTUA DEWAN**

Satu lagi, sila.

**YB. ENCIK LEE CHIN CHEN**

Soalan saya tadi er... belum dapat jawapan lagi er... soalan saya tadi adalah jika...

**YANG DI-PERTUA DEWAN**

Sila ulang apa soalan Yang Berhormat.

**YB. ENCIK LEE CHIN CHEN**

Okey, jika er... Lynas minta permohonan daripada Kerajaan Negeri, apakah pandangan Kerajaan Negeri beri atau tidak beri?.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mintalah dulu. Dia tiada andai, kalau, jika tiada. Minta dulu. Jika, benda tak minta lagi. Minta dulu dan Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada aspek keselamatan dan saya juga perlu melihat kepada perjanjian-perjanjian yang telah dibuat pada sebelum ini. Kita tidak boleh secara semberono ya. Datang, minta kita terus bagi ataupun tidak bagi. Jadi elok kemukakan permohonan dulu, Kerajaan Negeri akan pertimbangkan sehabis baik kerana kita kena ingat dalam masa yang sama, pelaburan untuk er... Lynas ini, billion bukan million mencecah 3 billion kalau tidak silap saya. Jadi semua aspek ini akan dikaji dan andainya tidak mendatangkan apa ni masalah



kepada rakyat, tidak membahayakan, kita kena bagi kebenaran dan ini di... disahkan oleh pakar. Kalau, kalau kita tak nak dengar cakap pakar, nak dengar cakap siapa lagi. Kalau pakar kata okey, takkan kita nak kata tak okey. Kita bukannya pakar, kita hanya *layman*. Jadi yang tu, saya harap kita kena faham dan er... sudah pasti tidak ada Kerajaan Negeri yang akan membuat sesuatu yang boleh menyusahkan rakyat. Itu kena ingat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat.

**YB. ENCIK LEE CHIN CHEN**

Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Baiklah, saya ingat sudah cukup 3 soalan tambahan. Kita pergi kepada soalan berikutnya saya jemput Wakil daripada Muadzam Shah.

**YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM**

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon er... kemukakan pertanyaan nombor 4.

[Projek Penternakan Udang Galah ZIA-HIP di Kampung Tanam, Kedaik.

- i) Apakah status terkini projek ternakan udang galah yang masih belum bermula.
- ii) Sehingga kini, adakah pihak kerajaan negeri menerima sebarang bayaran premium (sewa) dari pihak pemaju.]

**YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK**

Yang Berhormat, Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Muadzam Shah adalah berkaitan dengan Projek Ternakan Udang Galah di Zon Industri *Akuakultur High Impact Project* di Kampung Tanam Kedaik dan statusnya. Sebenarnya untuk makluman Dewan Yang Mulia ni, bagi projek di Zon Industri *Akuakultur* Projek Berimpak Tinggi ZIA-HIP di Kampung Kedaik di daerah Rompin ini, telah diluluskan dengan keluasan se... jumlah 1,000 ekar. Namun er... pihak kerajaan dalam tahun 2006 telah bersetuju untuk meluluskan cadangan Projek Penternakan Udang Galah kepada syarikat Agro Jauhari Corporation Sdn. Bhd. atas sebahagian sahaja tanah ini, iaitu secara dasarnya keluasan sebanyak 500 ekar.

Namun err... pihak Kerajaan Negeri telah dikena... telah meletakkan syarat iaitu syarikat perlu memajukan 100 ekar terlebih dahulu dan er... sekiranya 100 ekar ni telahpun dimajukan, barulah er... Kerajaan Negeri akan menimbang untuk memberi lebih atau baki 400 ekar er... yang pada dasarnya diperuntukkan kepada syarikat ini. Dan er... hakmilik atas nama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri telahpun dikeluarkan, didaftarkan pada er... bulan Mei tahun 2014 dan perjanjian antara PSK dan pihak syarikat telah ditandatangani dalam er... bulan Disember tahun 2016 dan er... setakat ini pihak syarikat masih belum menjalankan sebarang aktiviti di



atas tapak yang telahpun diluluskan dan er... sehingga kini... sehingga kini, syarikat Agro Jauhari Corporation Sdn. Bhd. ni telahpun membuat bayaran sebanyak RM10,000 dalam bulan April tahun 2019 bagi maksud pembayaran sewa bagi tahun pertama pajakan tersebut.

Kita ada syarat ya, maknanya sepatutnya dia kena bayar 10 tahun dia punya pajakan. Ini, ini dia kena bayar tiap-tiap tahun RM10,000, RM10,000, RM10,000 tapi setakat ni dia baru bayar RM10,000 dan er... juga dia masih belum jalankan aktiviti di atas tapak yang er... terbabit dan er... oleh kerana tidak ada er... kemajuan, maka pihak kerajaan telah mengambil tindakan untuk er... menawarkan atau membuat er... pertimbangan pada satu permohonan daripada sebuah syarikat yang lain iaitu Kembang Subur Sdn. Bhd. yang er... memohon untuk memajak ataupun memajukan 400 ekar yang masih berbaki dan pihak Kerajaan telah memberikan er... kelulusan er... kepada pihak atau Syarikat Kembang Subur Sdn. Bhd. ini dan er... setelah er... mendapat kelulusan er... Syarikat Kembang Subur Sdn. Bhd. sebenarnya er... telah juga mendapat tawaran daripada er... Jabatan Perikanan ya er... di satu tapak yang lain dan er... sejajar dengan dengan itu, Syarikat Kembang Subur Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk menarik diri daripada er... memajukan tanah yang 400 ekar tadi dan memberi tumpuan kepada tanah yang telahpun diluluskan oleh Jabatan Perikanan er... kepada Syarikat ni. Terima kasih.

**YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM**

Soalan tambahan

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Ya sila.

**YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM**

Saya ingin bertanyalah pada pihak kerajaan.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Muadzam.

**YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM**

Er... apa tindakan seterusnya kalau kita melihat ni daripada tahun 2016 sekarang 2019, dah 3 tahun er... pihak pemaju masih belum melaksanakan er... ataupun menjalankan er... projek er... Ternakan Udang Galah ini ya, dan keadaan itu terbiar. Er... apakah er... Kerajaan Negeri beri had masa juga sekiranya berapa tahun tak buat kerja tu tak jalan kerja tu akan tarik balik atau sebagainya?

**YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang saya maklumkan tadi sebab itu pihak kerajaan melalui PSK telah meluluskan hanya 100 ekar kepada Agro Jauhari Sdn. Bhd. ini dan er... dia ataupun syarikat ni telah membayar ini sewaan untuk tahun pertama, tahun kedua er... sedang diusahakan untuk dibuat bayaran er... dan er... lebih daripada 1,000 ekar ini tadi tolak 100 makna ada 900 ekar yang masih lagi boleh er... dimajukan. Sebab tu dalam



konteks ini er... pihak ni er... Kerajaan Negeri melalui PSK er... sedang berurusan dengan pihak syarikat kalau sekiranya syarikat tidak er...memulakan aktiviti dalam tempoh er... yang diberikan, kita akan mengambil tindakan untuk er... menamatkan perjanjian kerana pelanggaran kepada syarat-syarat tawaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Namun er... sekiranya ada pelabur-pelabur lain yang ingin memajukan kawasan yang telahpun dikenalpasti ini iaitu dipanggil Zon Industri Agrikultur ini *High Impact Project* (HIP...ZIA-HIP), kita akan memberi pertimbangan ya kerana ada masih lagi ada berbaki kawasan yang boleh diusahakan oleh pihak-pihak yang berminat. Terima kasih.

### **YANG DI-PERTUA DEWAN**

Baik Yang Berhormat. Baik, kita beralih ke soalan berikutnya. Saya menjemput wakil dari Tanah Rata.

### **YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG**

Terima kasih er...Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya mohon izin soalan nombor 5.

[Apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh kerajaan untuk memelihara budaya, adat resam, bahasa dan kemahiran khas komuniti Orang Asli di Malaysia, khususnya di negeri Pahang?]

### **YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er... untuk menjawab soalan 5 ni bagi memelihara budaya, adat resam, bahasa dan kemahiran khas komuniti Orang Asli agar sentiasa terjaga, Kerajaan Negeri sentiasa menjalinkan kerjasama er... dengan Unit Kesenian, Kebudayaan, Sukan dan Belia Orang Asli di bawah JAKOA er... negeri Pahang dan juga bersama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang dan lain-lain pertubuhan kebudayaan bagi kelangsungan adat budaya serta kesenian Orang Asli terpelihara dan er... untuk di negeri Pahang ini sebenarnya banyak sekali program yang telah dilaksanakan sejak daripada tahun sebelumnya tetapi agak giat dilakukan semenjak tahun 2016 sehingga kini yang mana program-program er... pelancongan dan kebudayaan contohnya er... Pesta Chenor, Program Merakytakan Seni Komuniti Orang Asli, er... 2017 telah dilaksanakan di Kampung Leryar, Cameron Highlands dan juga satu er... Makmal Inovasi Usahawan Seni Budaya pada tahun 2017.

Sehingga kini etnik Orang Asli di negeri Pahang telah dilibatkan dan diberi peluang dan ruang bagi mengenengahkan pelbagai aktiviti seni budaya dan warisan. Komuniti berkenaan bukan sahaja dari segi kesenian, tetapi jua setiap apa yang berkaitan dengan kebudayaan itu sendiri Dato Sri Yang di-Pertua, dan terkini inisiatif Kerajaan Negeri telah juga me... menubuhkan Unit Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli, yang mana wakil Batu Talam menjadi pengerusinya yang mana ianya kita harapkan akan dapat lebih memberi tumpuan juga dalam pemeliharaan adat resam tradisi dan budaya kaum Orang Asli di Pahang. Terima kasih.

### **YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG**

Soalan tambahan. Yang Berhormat Yang di-Pertua,



Terima kasih jawapan daripada pihak Kerajaan. Bolehkah saya di sini memohon ataupun bolehkah pihak Kerajaan mewujudkan ataupun menerbitkan satu *encyclopedia* yang berkenaan dengan Adat Resam Kebudayaan Orang Asli sedemikian? Terima kasih.

**YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN**

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya kira telah banyak sekali sebenarnya dokumen-dokumen yang telah dibuat er... baik di pihak muzium mahupun di pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang boleh membuat rujukan dan juga sebenarnya Muzium Orang Asli di Gombak ya, telah pun lama diwujudkan yang mana di sana menghimpunkan pelbagai artifak Orang Asli dan dia terbuka kepada orang awam untuk melawat dan membuat rujukan. Saya kira er... Muzium Orang Asli Gombak ini pun dah memadailah tak perlu kita di Pahang ini membuat tapi cadangan... memadai tapi er... apa yang dicadangkan oleh er... wakil daripada Tanah Rata satu perkara yang baik er... *encyclopedia* kerana kita di Pahang ini pun memang kita mempunyai antara suku kaum yang teramai Orang Asli, ada 9 suku kaum yang berbeza di negeri Pahang ini. Terima kasih.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Baik, kita pergi pada soalan yang berikut, saya jemput wakil dari Peramu Jaya.

**YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI**

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, Dato Seri Yang di-Pertua saya mohon bertanyakan soalan no. 6.

[Di negeri Pahang pada ketika ini telah banyak pusat-pusat tahfiz persendirian ditubuhkan. Sejauh manakah peranan kerajaan negeri di dalam memantau bagi memastikan pusat-pusat tahfiz persendirian tersebut mematuhi piawaian penghafalan *standard*?]

**YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD**

Walaikumussalam WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat saya daripada Peramu Jaya yang menanyakan soal tentang pusat-pusat tahfiz er... persendirian yang ditubuhkan. Sejauh manakah peranan Kerajaan Negeri di dalam memantau dan memastikan pusat-pusat tahfiz persendirian tersebut?

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Izinkan saya, sebelum saya menjawab soalan ini, untuk saya mengambil peluang untuk menyembah menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan juga kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang er... juga rakan-rakan Exco dan semua rakan-rakan Ahli Dewan yang telah mengambil berat, meneruskan tradisi semenjak dari dulu untuk menjenguk rakan-rakan kawan kita termasuklah saya yang baru-baru ini diduga sedikit oleh Allah SWT dengan er... ujian kesakitan tetapi Alhamdulillah berkat bantuan semua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bekas Menteri Besar, rakan Exco,



Alhamdulillah saya sihat. Hari yang saya kena tu, sahabat kita Dato' Sri Sharkar nak mengahwinkan anak. Saya minta doktor tu nak keluar sebab nak pergi majlis itu dan juga nak pergi menyambut tuanku Tengku Mahkota berangkat balik tapi doktor itu kata tak payah la Dato'... ustaz. Suruh orang lain je la, awak ini tak sihat. Rupanya saya memang dah tak boleh berjalan waktu itu. Tapi terima kasih banyak-banyak kepada semua dan menjunjung kasih tradisi membantu rakan-rakan ini dan memberi sokongan menyebabkan saya lebih bersemangat dan hari ini saya sihat. Hari kelmarin saya boleh pergi 4 kenduri kahwin (ahli dewan menepuk meja) dan juga majlis-majlis. Merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh...

**YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN**

Minta maaf Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya dengar tadi 4 kenduri kahwin, ingat 4 kahwin (ketawa). Itu lagi semangat dan lagi kuat.

**YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker Yang di-Pertua,

Ada pepatah arab mengatakan [Bacaan ayat al-Quran] mata itu celik, tangan itu pendek. (Ahli Dewan ketawa).

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Sila Yang Berhormat, nampak sihat. Alhamdulillah.

**YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD**

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh sahabat saya Peramu Jaya, er... mengenai pusat tahfiz persendirian ini, negeri Pahang telah memperuntukkan satu Enakmen Perundangan 1991 seksyen 114 yang boleh memberi kuasa kepada Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam dan Pejabat Mufti mengadakan jawatankuasa penaziran bagi memantau, memastikan pusat-pusat tahfiz ini ditubuhkan mengikut kurikulum yang ditentukan serta guru-guru yang terlatih dan berkemampuan dan juga pelajar-pelajar yang diberikan perhatian kebajikan yang tidak kurang sebagaimana sekolah-sekolah kerajaan yang sedia ada. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Alhamdulillah Yang Berhormat pun nampak ceria, sihat. Ya...

**YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Tumpang bertanya sikit.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ya, Pelangai...



**YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Ahli Kerajaan dari Kerdau tadi menceritakan beliau uzur, bukan sakit, uzur. Sakit itu perkataan arab [Bahasa Arab]. Sakata tu makna diam, sakit tu orang yang diam. Tapi melayu pulak, sakit itu sakit teruk. Kerana apa benda penyakit yang dihadapi oleh er... ahli di Kerdau... penyakit... apa benda penyebab apa benda penyakit, apa benda ubatnya, supaya kita semua boleh mengambil iktibar. Macam saya dulu, saya kena bukan *Leptospirosis*, *Verodosis*, nama bakteria... bakteria bukan virus. Bakteria ni boleh dibunuh dengan er... antibiotik. Kalau virus ni, dia kena vaksin. Jadi saya tu, bakteria dia *burkholdera cepacia* Dia dapat dalam lumpur di Malaysia, Thailand, Myanmar dan juga Vietnam. Bahaya sikit kalau main dengan tanah. Jadi saya nak bertanya apabila dia er...

**YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN**

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Minta maaf. Saya ingatkan maknanya wakil daripada mantan er... wakil daripada Pelangai er... bekas Menteri Besar bagi tahu bahaya main dengan tanah, macam-macam apa kuman. Saya ingat ada jin tanah je main dengan tanah ni, rupanya kuman pun banyak ye... (ketawa).

**YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Di rantau kita saja yang... yang koman *burkholdera cepacia*, yang lain-lain tak ada insya-Allah. Saya diberi er... mula-mula sekali satu jenis antibiotik, saya terlupa pula namanya. Kemudian diuji selepas setengah jam tak berjalan sebagainya, akhirnya digunakan *rocephin* nama er... antibiotik tu. Semasa saya pergi er... melawat ahli dari Kerdau itu ahli Kerajaan dari Kerdau, beliau diberi *Meropenem* setelah berbincang dengan doktor dan sebagainya dan nyata *Meropenem* tu boleh jalan juga lah. Jadi sekarang ni kita nak tahu penjelasan bukan setakat Dasar Kerajaan apa jenis penyakit, apa jenis ubat. Terima kasih.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ahli-ahli yang terhormat... ya... sila... Wakil Kerajaan er...

**YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD**

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Betul saya ini Exco Kesihatan tapi nak menyebut penyakit yang disebut oleh doktor tu lupa apa ke namanya. Sebab suka sangat jadi sihat. Alhamdulillah tapi memang kritikal. Cuma yang saya...

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Exco daripada Kesihatan ini, jenis kuman yang... yang kena itu dia panggil *Capsular*. Doktor pakar tu haritu bagi tahu saya. Namanya cantik jadi kalau... tapi dia jenis kuman lah. *Capsular* yang Dato' Sri Diraja daripada Pelangai tadi jenis lain pula, tapi dia daripada tanah juga lah. Jadi tanah ni macam-macam kuman pun ada dan kita pun asal daripada tanah juga, Tuan Yang di-Pertua.

**YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD**

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang pentingnya Alhamdulillah saya sihat tetapi saya *boyok* sikit pada Pelangai. Pelangai 2 minggu lebih teruk dari saya sihat boleh *chair* Mesyuarat Exco lepas pada sakit. Saya ni 2 bulan baru ini segarnya. Alhamdulillah la syukur ke hadrat Allah SWT.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Berhormat, kita... Pelangai ni kita tak boleh lawan dia. Hebat sebenarnya... semua nama-nama kuman dia tahu.

**YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Tak boleh lawan Tuan Speaker lagi hebat. Tuan Speaker menjalankan tugas dalam bahasa Inggerisnya *fairly and judicious man*.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat.

**YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Walaupun pembangkang, walau sesiapa pun diberi peluang bercakap. Saya berharap Speaker walaupun mungkin sejak dalam Dewan lagi hujung penggal ini insya-Allah panjang umur rezeki akan menjadi peguam pula, akan menyaman siapa saja yang buat salah (Ahli Dewan ketawa). Saya berharap Tuan Speaker akan terus menjalankan tugas sebagai Speaker dengan sokongan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya benarkan dua tiga minit ADUN Pelangai tadi untuk berucap walaupun di luar soalan, kerana ianya memberi manfaat yang besar kepada kita. Sekurang-kurangnya kita tahu apa jenis kuman, saya pun tahu *capsular* je la, yang kuman yang dinyatakan oleh ADUN Pelangai saya tak dapat nak *capture* lagi. Setakat *capsular* tu memang dah ada yang telahpun disahkan oleh Doktor Yang Amat Berhormat Menteri Besar ya. Jadi kita sama-samalah menjaga kesihatan dan saya gembira hari ini ya... kita dapat berkongsi sedikit tentang soal-soal kesihatan ini. Baiklah, kita beralih ke soalan berikutnya saya jemput wakil dari Semambu.

**YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG**

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan soalan nombor 7.

[Apakah peranan Koridor Utiliti Pahang (KUP) dan status terkini, dan bagaimana ianya membantu pembangunan sektor pembinaan dan hartanah di Pahang?]

**YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



Terima kasih kepada Wakil daripada Semambu yang bertanyakan soalan berkaitan dengan Koridor Utiliti Pahang. Yang Berhormat Semambu bertanyakan apakah peranan er... KUP, apakah status terkini perkhidmatannya dan bagaimanakah ianya membantu pembangunan sektor pembinaan dan hartanah di Pahang?

Bercakap tentang peranan dan tanggungjawab KUP, secara ringkasnya KUP adalah agensi penyelarasan untuk melaksanakan tugas khusus iaitu penyelarasan, pemantauan dan menyimpan pangkalan data laluan kemudahan utiliti di negeri Pahang, dan er... dari segi pencapaiannya yang terkini sehingga sekarang pihak KUP telah er... berjaya memproses sebanyak lebih kurang 900 permohonan korek gali dan pemasangan utiliti yang melibatkan jumlah jajaran sepanjang 2,000 kilometer jalan negeri dan jalan persekutuan di seluruh negeri Pahang, dan dari jumlah 2,000 kilometer tersebut, sebanyak 500 kilometer ataupun 25% pelan siap bina telah diproses dan dikemaskini di dalam pangkalan data Utiliti Negeri Pahang melalui sistem *UCIDOS* ataupun *Utility Corridor Integrated Database Operating System* yang dibangunkan dan diselenggarakan oleh KUP sendiri.

Sumbangan KUP kepada industri Pembinaan dan Hartanah boleh kita lihat apabila KUP memastikan pemantauan perancangan dan pembangunan laluan infrastruktur dan utiliti di kawasan-kawasan pembangunan yang teratur dan bersepadu ini dapat er... mendorong pembangunan er... setempat dalam mencapai persekitaran yang berkualiti dan pembangunan mampan serta selaras dengan dasar pelaksanaan dasar tanpa korekan ataupun *No Dig Policy* sepertimana yang dinyatakan dalam garis panduan perancangan laluan kemudahan utiliti PLANMalaysia. Selain daripada dapat mewujudkan satu ruang khas yang lebih terancang dan sistematik untuk menempatkan laluan kabel atau paip untuk kemudahan utiliti yang dikongsi bersama oleh pihak penyedia kemudahan utiliti, ianya secara tidak langsung Dato' Sri Yang di-Pertua, akan memberi manfaat kepada semua pihak terutama rakyat dalam peningkatan kualiti dan nilai hartanah tersebut dan di samping dapat mengurangkan kos membaikpulih kepada pihak kerajaan pada masa akan datang.

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Kemayan.

#### **YB DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN**

Assalamualaikum, salam sejahtera. Soalan saya soalan nombor 8. Terima kasih.

[Adakah peruntukan atau bajet khas disediakan untuk mengaktifkan kegiatan NGO Belia dalam negeri Pahang oleh kerajaan negeri. Jika ada, berapa dan apakah kaedah peruntukan tersebut disampaikan.]

#### **YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Kemayan. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia bersama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang sentiasa mengambil maklum perihal pembangunan belia di negeri Pahang dalam mengupayakan persatuan Belia dan NGO yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia. Tiada peruntukan khas ataupun bajet khas yang disediakan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia mahupun Jabatan Belia dan Sukan Negeri

Pahang. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah menggantikan bantuan pentadbiran ataupun pengurusan persatuan kepada bantuan pelaksanaan program bagi Persatuan Belia dan NGO yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia ataupun kursus-kursus.

Setiap bantuan pelaksanaan program yang disediakan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia boleh dipohon terus oleh Persatuan Belia atau NGO yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia melalui permohonan atas talian Sistem Pengurusan Sukan Bersepadu, spsb.kbs.gov.my. Bagi Kerajaan Negeri Pahang pula, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang er... telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM120,000 kepada Majlis Belia Negeri Pahang semasa Majlis Perasmian Hari Belia Peringkat Negeri Pahang 2019 untuk kegunaan pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan program. Manakala sebanyak RM20,000 pula disalurkan kepada Majlis Belia Daerah, 11 daerah semuanya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan belia di setiap daerah.

Untuk makluman sidang Dewan, peruntukan-peruntukan ini khususnya dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atau Kerajaan Negeri Pahang itu sendiri adalah untuk memberi ruang kepada pihak Kelab-kelab Belia ini mentadbir urus kelab masing-masing. Merancang dan melaksanakan aktiviti serta juga meningkatkan *credibility* dan *ability* serta daya urus kepimpinan masing-masing. Untuk makluman sidang Dewan Yang Mulia ini, di dalam peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri bukan sahaja kepada belia-belia bahkan NGO-NGO dan kalau saya rujuk kepada rekod-rekod yang saya dapatkan dari pihak Kewangan Negeri menunjukkan ratusan ribu ringgit telah diperuntukkan kepada belia-belia dan juga NGO-NGO dan antara lain yang ingin saya sebutkan di sini, bukan sahaja peruntukan secara langsung ataupun rasmi daripada pihak kerajaan negeri ataupun peruntukan teras yang disediakan, sepertimana yang saya sebutkan dalam sidang Dewan sebentar tadi, tetapi dalam banyak masa juga kita lihat ada peruntukan-peruntukan khas yang dimohon secara langsung dari pihak belia ataupun NGO kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang juga dikirakan sebagai er... peruntukan khas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang

Dan begitu juga kepada rakan-rakan er... Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ramai pihak-pihak belia dan juga NGO yang memohon secara langsung kepada mereka dan Alhamdulillah peruntukan ini kadang kala mereka tak nampak ya kerana datang daripada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun peruntukan khas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan termasuk juga kepada peruntukan YB-YB kawasan yang tidak direkodkan secara langsung kepada peringkat negeri. Maksudnya, sekira dicampur semua sekali ini belia-belia kita, NGO-NGO kita, dapat peruntukan yang banyak ya dan ini satu perkara yang amat er... baik untuk kredibiliti dan juga inisiatif Kerajaan Negeri kepada belia serta NGO-NGO dan saya ingat lagi er... seperti Pesaka ya dan juga er...Persatuan Menembak antara NGO-NGO.

Baru ini kita buat er... Silat Nusantara yang hampir makan belanja RM250,000.00 ya... dan kita beri peruntukan juga oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk membuat buku-buku ya... RM100,000.00. Ini adalah antara peruntukan-peruntukan yang er... ramai atau umum tidak mengetahui. Terima kasih.

## **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih soalan berikutnya.

**YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL**

Soalan tambahan sikit ya.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ha... sila.

**YB. ENCIK MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL**

Terima kasih Yang Berhormat Speaker er... saya cuma nak bertanya Kerajaan Negeri adakah er... dalam perhatian pada pagi tadi seorang Wakil daripada Maran berumur 17 tahun, Shamsul Hakimi telah dipilih ke kejohanan er... *Gansu Lintao BMX International Race... BMX*. Saya nak tanya apakah perhatian Kerajaan Negeri ataupun untuk sokongan yang telah diberikan kepada beliau, terima kasih.

**YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Kita er... sentiasa menerima er... cadangan-cadangan apatah lagi er... atlet-atlet ini berasal dari Pahang dan insya-Allah kita akan rujuk kepada perkara tersebut dan kita akan cuba mempertimbangkan untuk bantuan seterusnya, apatah lagi kita ada wakil Kerajaan Negeri yang mana\_dari Maran telah pasti akan prihatin perkara tersebut dan telah pun memberi sumbangan ya dan boleh rujuk perkara tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Baik, terima kasih Yang terhormat. Kita pergi kepada soalan berikut. Saya jemput Wakil daripada Cheka... kawasan Cheka.

**YB. ENCIK LEE AH WONG**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

[Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk 62 buah Kampung Baru Cina di negeri Pahang masih belum ditubuhkan.

- a) Apakah status penubuhan MPKK untuk 62 buah Kampung Baru Cina di Pahang?
- b) Adakah MPKK Kampung Baru Cina ini sempat memperolehi RM10,000 dari kerajaan pusat untuk melaksanakan projek pada tahun 2019 ini?]

**YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Ahli Cheka yang menanyakan mengenai status penubuhan MPKK untuk 62 buah Kampung Baru Cina di negeri Pahang.



Bagi menjawab soalan tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung atau MPKK bagi 62 buah Kampung Baru Cina di negeri Pahang. Perkara ini telah diserahkan kepada KPKT dah.

Mengenai soalan yang kedua, adakah MPKK Kampung Baru Cina ini sempat, maksud dia sempat untuk memperolehi RM10,000 daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek pada tahun 2019. Sempat tak sempat tu saya tak pastilah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana tubuh pun belum lagi. Jadi, dah tubuh barulah boleh beri duit ini RM10,000.00. Jadi, perkara ini terpulanglah kepada Tuan KPKT, Tuan Kementerian Kerajaan Tempatan untuk nak melaksanakan program ini.

Bagi ini... geran MPKK Kampung Tradisional sebanyak RM10,000 setahun bagi Kampung Tradisional, Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan dan ianya hingga sekarang dalam proses. Maksudnya saya pun telah beberapa kali menghadiri program-program yang telah dirancang. Maksudnya ianya telah dilaksana dan sedang dijalankan bagi kampung-kampung tradisional. Sekian, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**YB. ENCIK LEE AH WONG**

Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapakah penubuhan MPKK Kampung Baru Cina ini agak lambat berbanding dengan MPKK Kampung Tradisional, disebabkan oleh Kerajaan Negeri ke Persekutuan? Terima kasih.

**YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

MPKK Kampung Tradisional di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, MPKK untuk Kampung Cina ni telah dimasukkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi, ianya adalah proses Kementerian Kerajaan er... Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi, kita tak boleh paksalah, terpulanglah kepada Kementerian ataupun Pusat untuk nak melaksanakan ini MPKK Kampung Baru Cina. Jadi, kita hanya... kita telah bersetuju. Jadi, terpulanglah kepada Kementerian. Itu sahaja.

**YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG**

Soalan tambahan. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan sikit daripada pihak kerajaan, apakah maksudnya serah kepada Kementerian KPKT? Ataupun iaitu bermaksudnya bidang kuasa untuk melantik ataupun menubuhkan KP er... MPKK ini di bawah kuasa KPKT ke ataupun Kerajaan Negeri terlibat? Mohon penjelasan. Terima kasih.

**YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Serahnya kalau mengikut cara MPKK Kampung Tradisional, maknanya bajet itu di bawah KPLW... KPLW, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Begitu jugalah dengan MPKK Kampung Baru Cina. Maknanya kita serah kepada Kementerian dan kalau mengikut cara MPKK Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bajet itu kementerian yang bagi... melantik tu Kerajaan Negeri. Ha, mungkin dalam masalah MPKK Kampung Baru Cina pun, bajet itu di bawah Kementerian Perumahan dan



Kerajaan Tempatan dan pelantikan tu mungkin kerjasama dengan Kerajaan Negeri. Ha itu beza, dia dua... dua kementerian yang berasingan. MPKK Kampung Tradisional di bawah KPLW, MPKK Kampung Baru Cina di bawah Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya harap jelas.

**YB. ENCIK LEE CHIN CHEN**

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih er... jawapan daripada pihak Kerajaan Negeri. Bolehkah saya tahu tadi er... rakan saya apa tu Exco dah beritahu sedang di... diproses er... pelantikan MPKK Kampung Baru Cina ini. Bolehkah saya tahu jangka masa bila akan buat pelantikan tersebut kerana kita tahu Kampung Baru Cina ini telah pun satu tahun tidak mempunyai wakil MPKK. Ini akan er... menyusahkan er... apa tu orang-orang kampunglah. Jadi, soalan saya adalah bila jangka masa boleh buat pelantikan tersebut? Terima kasih.

**YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA**

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin memberi sedikit penjelasan perkara ini. Pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan pelantikan untuk 62 nama dan kita telah menghantar kepada daerah-daerah PBT untuk mengemukakan nama secepat yang mungkin. Lagi dapat cepat, lagi cepat kita akan proses. Sekian.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikut. Jemput Wakil dari Kemayan.

**YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya, soalan nombor 10.

[Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk membantu menyelesaikan isu perumahan generasi kedua FELDA dan kampung tradisi.]

**YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Kemayan kerana menanyakan soalan, apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan isu Perumahan Generasi Kedua FELDA dan Kampung Tradisi. Segmen pertama saya akan menjawab jawapan berkenaan Kampung Tradisi. Iaitu Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan juga PTG telah meluluskan sebanyak 28 kelulusan bagi kampung tradisi sehingga 2010 sehingga kini melalui Rancangan Tanah Kelompok (RTK) untuk tapak perumahan dan ianya akan bertambah lagi banyak sebelum PRU Ke-15 akan datang.

Segmen kedua, iaitu berkenaan dengan FELDA. FELDA telah melaksanakan pembangunan 16 Projek Perumahan Untuk Generasi Kedua FELDA di negeri Pahang. Di mana 5 projek telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada peserta yang layak terutamanya di FELDA Padang Piol, Jerantut. FELDA Selancar 4,5, Selendang 2, Keratong 4 di daerah Rompin dan sebahagiannya di daerah Koyan iaitu kawasan Parlimen Cameron Highlands.



Melalui desakan Kerajaan Negeri dan kerjasama Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan, FELDA telah... Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM250 juta untuk perbelanjaan menyiapkan 20 projek Perumahan Generasi Baharu FELDA yang projek melebihi 70 per cent ke atas... 70% ke atas. Oleh yang demikian, tapak projek FELDA Sungai Tekam - Getah di Jerantut dan juga Sungai Koyan, Cameron Highlands merupakan satu... dua projek untuk penyiapan dan pelantikan kontraktor dalam menyiapkan projek-projek tersebut dan bagi projek Rancangan Mesra Rumah FELDA (RMR) Rumah Mesra Rakyat FELDA, minta maaf... di mana FELDA telah menyediakan tapak perumahan, lot-lot perumahan dan syarikat SPNB bertanggungjawab melaksanakan atau menyiapkan rumah tersebut semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah zaman dahulu tetapi ianya telah ditangguh pada September 2018 oleh pengurusan FELDA dan Kerajaan PH pada hari ini dan kerajaan hari ini menunggu ataupun FELDA menunggu Kerajaan PH hari ini memberi dana kepada er... kepada FELDA untuk menyediakan projek-projek tersebut. Sekian, terima kasih.

#### **YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN**

Soalan tambahan. Dato' di-Pertua,

Saya tertarik pada antara perbandingan antara kawasan rancangan FELDA berbanding dengan kawasan Perkampungan Tradisi. Kalau kita semua-semua (kurang jelas) atau lebih maklum yang perbezaan antara kawasan kampung tradisi dengan kawasan FELDA ini amat ketara bezanya. Saya boleh cakap kalau di kawasan FELDA ini dengan sistem dia yang sempurna, hampir sempurna ya dengan cara yang lebih teratur. Jadi, saya tak nampak pasal apa sebabnya, apa sebab sebenarnya projek-projek di FELDA tak dapat dijalankan, terutamanya bila janji dah dibuat tapi gagal dilaksanakan.

Jadi, dua soalan saya... saya sentuh pasal FELDA inilah... pasal bagi saya tak sepatutnya FELDA itu gagal dalam keadaan yang susun atur dia yang lebih selesa berbanding dengan Kampung Tradisional.

Soalan pertama saya, daripada jumlah yang telah... ada projek-projek yang telah siap tu 100%. Berapakah jumlah peserta yang dah telah diduduki. (kurang jelas) apa ni, untuk peserta Generasi Kedua. Daripada projek yang dah siap berapa banyakkah unjuran peserta yang telah diisi? Kedua soalan saya tentang Perumahan Mesra Rakyat yang sepatutnya er... jawapan soalan saya yang kedua ini, berapakah jumlah Rancangan Perumahan Mesra Rakyat Felda yang sepatutnya disiapkan tetapi telah ditangguh oleh Kerajaan PH pada hari ini. Sekian, terima kasih.

#### **YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH**

Terima kasih ADUN Kemayan. Felda telah melaksanakan banyak projek perumahan generasi kedua dan Felda telah menyiapkan se... 1,370 rumah. 100% untuk Generasi Kedua Felda. Untuk Rancangan Rumah Mesra Rakyat Felda, RMR Felda sebanyak 3,300 lot perumahan telah diperuntukkan zaman Kerajaan Barisan Nasional tetapi telah ditangguh. Masalah sekarang mudah saja, masalah Perumahan Generasi Baru atau RMR ini boleh siap dibina. Boleh 100% siap, diselesaikan masalah untuk Rumah Generasi Kedua iaitu apabila pilihanraya ke-15 nanti Barisan Nasional memerintah Putrajaya semula. (Ahli Dewan menepuk meja).

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Ye. Okey. Soalan berikutnya saya jemput wakil daripada Padang Tengku. Sila Yang Berhormat.

**YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG**

Assalamualaikum WBT, soalan saya Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, soalan nombor 11.

[Minta kerajaan negeri menyatakan:

- 1.1 Inisiatif oleh kerajaan negeri dalam memelihara kebajikan khususnya perumahan kepada pekerja-pekerja buruh ladang swasta seperti Ladang Selborne di Kuala Lipis dan pekerja ladang-ladang FELDA (Felda Global Ventures Plantations (M) Sdn. Bhd.) setelah mereka berhenti atau bersara dari bekerja di ladang-ladang berkenaan.
- 1.2 Jika ada, apakah syarat-syarat bagi bekas-bekas pekerja ladang berkenaan untuk memohon.
- 1.3 Jika tiada, apakah rancangan kerajaan untuk membantu bekas-bekas pekerja ladang ini untuk menangani masalah untuk memiliki rumah sendiri.

**YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA**

Assalamualaikum Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih er... ADUN Padang Tengku bertanyakan soalan berkaitan dengan Perumahan Ladang. Pada masa... pada masa ini, pihak Kerajaan Persekutuan ada menyediakan insentif khas kepada... insentif khas dalam membantu pekerja-pekerja ladang untuk memiliki rumah sendiri melalui Skim yang dikenali sebagai SKRE iaitu Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet. Er... Skim ini telah diumumkan semasa Pembentangan Bajet 2011 oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu dengan memperuntukan sebanyak RM50 juta berbentuk Dana Pusingan ataupun *Revolving Fund* er... skim ini ditubuhkan kerana ramai pekerja ladang tidak mempunyai rumah apabila telah berhenti atau bersara menyebabkan berlakunya impli... implikasi sosial.

Objektif program SKRE ini adalah untuk meningkatkan kebajikan pekerja ladang atau estet dengan menyediakan kemudahan pinjaman khas bagi memiliki rumah sendiri selain untuk menarik minat dan mengekalkan pekerja tempatan untuk bekerja di ladang-ladang. Namun demikian, terdapat er... syarat-syarat kelayakan yang perlu dipatuhi antaranya ialah pekerja estet berumur 21–60 tahun. Kedua, memiliki... warganegara Malaysia yang bekerja di ladang. Ketiga, telah disahkan jawatan. Yang keempat, berjawatan, berjawatan dan berpendapatan tetap, tidak termasuk pekerja-pekerja kontrak estet dan juga pesara. Yang kelima, pinjaman Rumah Pertama iaitu tiada pinjaman perumahan dengan mana-mana institusi kewangan yang lain dan yang keenam, berpendapatan sekurang-kurangnya RM650.00 sebulan atau jumlah pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000.00 sebulan dan bayaran balik pinjaman perumahan pinjaman tidak melebihi 65% daripada pendapatan isi rumah.



Skim ini jelas memberi kelebihan dan manfaat kepada pekerja estet seperti pembiayaan minima dari RM25,000.00 sehingga RM150,000.00 (maksimum) dengan kadar 2% setahun atas baki akhir. Boleh sama ada pinjaman persendirian pekerja ladang sendiri atau bersama *joint loan* ya, dengan izin, untuk Generasi Kedua. SKRE ini anak kepada pekerja-pekerja ladang lah ya, dan yang ketiga tempoh pembiayaan di antara 5 hingga 35 tahun (tertakluk kepada umur 65 tahun semasa tamat tempoh pembayaran. Jika pemohon tiada keupayaan untuk memohon pinjaman bersendirian, mereka boleh membuat permohonan dengan syarat berikut, pinjaman dua Generasi SKRE. Pinjaman bersama 2 generasi ibu bapa dan anak; Anak masih di institusi pengajian dan yang berumur 21 tahun ke atas ya, dan anak yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan ke atas serta akan tamat pengajian dalam tempoh tiga tahun dan seterusnya ibu bapa berpendapatan tetap untuk tempoh lima tahun lagi er... dan seterusnya pinjaman 2 generasi hanya dibenarkan kepada pemohon yang berumur 55 tahun dan ke bawah semasa memohon.

Pinjaman Bersama. Bagi pemohon yang berumur melebihi 55 tahun sehingga 60 tahun semasa memohon, hanya pinjaman bersama *joint loan* sahaja dibenarkan. Ini untuk mengatasi bayaran balik lah dan yang keduanya untuk permohonan bersama, umur anak diambil kira dalam menentukan tempoh pinjaman. Anak haruslah seorang yang mempunyai punca pendapatan. Mungkin untuk membayar kembali pinjaman yang telah diberikan. Pendapatan anak tidak tertakluk kepada syarat kelayakan pendapatan maksimum RM4,000 sebulan. Skim khas ini terbuka kepada pemohon yang ingin membeli hartanah baru dan *sub-title* iaitu yang sekunder membina rumah di atas tanah persendirian contohnya tanah ibu bapa, suami atau isteri atau anak atau yang disediakan oleh majikan ladang tertakluk kepada jumlah pinjaman er... maksimum RM150,000.00 atau kepada pembeli rumah yang dijual oleh majikan ladang.

Sejak skim ini mula diperkenalkan sehingga kini, pihak Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang telah menerima sekitar 200 permohonan daripada pekerja-pekerja ladang di seluruh Pahang dan 90 permohonan yang telah memenuhi syarat telah diluluskan pinjaman mereka dengan jumlah keseluruhan pinjaman sekitar RM9.2 juta. Skim ini masih terbuka kepada semua pekerja estet yang berminat dan berkelayakan. Untuk maklumat lanjut, pemohon boleh merujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang atau pejabat cawangan yang terdapat di Kuantan, Pekan, Temerloh, Raub dan Bentong atau mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional di seluruh negeri Pahang.

Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa skim perumahan SKRE ini hanya diluluskan kepada pekerja-pekerja ladang yang masih bekerja sahaja dan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang dibenarkan dan tidak merangkumi kepada bekas pekerja yang telah berhenti atau bersara. Skim Perumahan SKRE ini memberi kebaikan kepada bekas pekerja ladang untuk memiliki rumah sendiri dengan membuat permohonan semasa... sewaktu masih bekerja dan apabila berhenti/bersara mereka telah pun memiliki rumah sendiri.

Untuk jawapan seterusnya. Berhubung inisiatif Kerajaan Negeri dalam memelihara kebajikan pekerja-pekerja ladang swasta khususnya di dalam aspek perumahan. Setakat ini pihak Kerajaan Negeri difahamkan bahawa kebanyakan daripada syarikat-syarikat perladangan yang dimiliki oleh entiti swasta ini mempunyai perancangan dan inisiatif yang diwujudkan sendiri oleh pihak syarikat demi menjaga kebajikan dan permasalahan pekerja-pekerja ladang apabila mereka mencapai umur persaraan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, FGV Plantations (M) Sdn Bhd iaitu sebuah anak syarikat perladangan yang memiliki sepenuh... yang dimiliki sepenuhnya oleh FGV Holdings Berhad (FGV) telah menyediakan skim perumahan yang diwujudkan bagi



membantu para pekerja tempatan memiliki rumah sendiri apabila tiba tempoh persaraan mereka.

Untuk tujuan tersebut, FGV Plantations (M) Sdn Bhd telah mewujudkan sebuah dana khas yang dipanggil sebagai 'Skim Bantuan Perumahan Pekerja Tempatan' dikenali sebagai (SBPPT) di mana para pekerja tempatan yang berkhidmat dengan pihak syarikat melebihi 10 tahun adalah layak untuk memohon bantuan dana berkenaan.

Menerusi dana ini, pihak syarikat telah mencarum sebanyak RM100.00 sebulan untuk setiap orang pekerja ladang tempatan yang berkhidmat dengan pihak syarikat. Sumbangan caruman daripada pihak majikan atau syarikat ini membolehkan para pekerja tempatan menampung serba sedikit kos yang bakal ditanggung oleh para pekerja tersebut apabila tamat tempoh persaraan kelak khususnya bagi mereka yang berhasrat memiliki rumah sendiri di kampung atau di mana sahaja mereka berada.

Berdasarkan kepada data yang diperolehi, pada tahun 2018, pihak FGVPM telah memperuntukkan bayaran sebanyak RM2.06 juta kepada 91 orang pekerja ladangnya yang layak dari seluruh negara bagi menerima sumbangan dana tersebut. Ini termasuklah 72 orang pekerja ladang tempatan di Semenanjung dan baki 19 orang lagi adalah dari Sabah dan Sarawak. Sementara itu, bagi Wilayah bagi Kuala Lipis sendiri, pada tahun lepas hanya seorang petugas sahaja yang telah berjaya iaitu dari ladang FGVPM Telang 1 berdasarkan kepada kelayakan syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat.

Walau bagaimanapun, untuk makluman juga, dana ini hanya boleh dipohon oleh pekerja ladang tempatan sahaja dan tidak terbuka kepada pekerja asing yang berkhidmat dengan syarikat. Setakat ini bagi membolehkan pekerja ladang tersebut memohon dana berkenaan, pihak syarikat telah menetapkan beberapa syarat utama yang ditetapkan. Antaranya adalah seperti berikut, pertama pemohon hendaklah berumur kurang dari 45 tahun sewaktu mula berkhidmat dengan pihak syarikat. Kedua, pemohon hendaklah berkhidmat dengan lebih daripada 10 tahun dengan pihak syarikat. Ketiga, pemohon bukan peneroka FELDA ya. Tak layak peneroka Felda ya...Kemayan ye... kerana telah mempunyai rumah dan tanah yang disediakan oleh pihak FELDA.

Keempat, jika suami dan isteri bekerja hanya seorang sahaja yang layak memohon, isteri kedua, ketiga tak pastilah saya dan yang kelima, pemohon yang memohon hendaklah bertugas sehingga mencapai had umur persaraan 55 tahun sekiranya pemohon berhenti sebelum usia persaraan permohonan tersebut secara *automatic* akan terbatal. Sekian, terima kasih.

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Sila Padang Tengku.

#### **YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG**

Terima kasih Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada jawapan yang dikemukakan oleh Ahli EXCO tadi. Jadi saya menanyakan soalan ni sebab di Padang Tengku ni ada sekurang-kurangnya 2 estet swasta dan 11 er... FELDA Plantation yang er... mereka ni bila masa sekarang ni tak ada masalah sangat masa dia bekerja, dia ada rumah-rumah ladang, rumah-rumah kerja untuk ladang, untuk pekerja ladang tapi masalahnya apabila mereka bersara,



atau ada yang er... tak ada rumah dan ada skim yang disebutkan masa dia bekerja. Masalahnya er... skim-skim ini mereka tak mampu untuk, untuk memenuhi syarat-syarat yang disediakan sebagaimana juga apa nama, Kampung Tradisional pelanggan-pelanggan daripada Kampung Tradisional yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat dikemukakan oleh pihak apa nama, penyedia skim.

Soalan saya ialah er... kita perlukan er... mungkin mereka terpaksa memasuk atau pun menyertai skim-skim perumahan yang disediakan oleh pihak kerajaan tapi, dia tak mampu. Kalau, kalau apa macam contoh PRIMA Pahang yang harganya melebihi RM100,000.00. Yang mereka mampu ialah skim-skim macam rumah apa ini, Rumah Perumahan Awam Kos Rendah ini, tetapi masalahnya sekarang ni terlalu kurang di sini, di Lipis boleh dikatakan tak ada perumahan baru untuk skim-skim semacam ini.

Jadi saya nak syorkan, apakah program-program ataupun program-program perumahan yang nak dibuat supaya... yang sesuai dengan mereka ini diwujudkan di kawasan Lipis?

Yang keduanya er... adakah keperluan bagi kerajaan mengubal er... satu peraturan ataupun enakmen yang berkaitan dengan memastikan pemaju, memastikan pemilik-pemilik ladang ini er... membuat perumahan untuk pekerja-pekerja mereka yang akan bersara? Maksudnya kita boleh er... mengarahkan apa nama ini, tuan-tuan ladang ini supaya mereka membuat perumahan dengan kita menggunakan akta mengambil semula tanah untuk kita mengarahkan syarikat-syarikat yang berkaitan GLC Negeri ataupun di bawah Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan untuk membuat rumah bagi pihak apa nama er... supaya dapat di...dilangani oleh pemohon-pemohon ataupun persara-pesara ladang ini. Terima kasih.

#### **YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA**

Yang Berhormat daripada Padang Tengku, terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya banyak, sebelum PRU ke 14, banyak projek-projek yang sediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk mereka yang orang kata, yang berpendapatan rendah ya, contohnya MyBN ya, *My Beautiful Neighborhood* er... SPNB di bawah RISDA, di bawah FELCRA dan sebagainya. Tetapi selepas Pilihanraya 14 ya, di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, perkara ini tidak diberi perhatian. Saya pernah bawa isu ini di Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Kerajaan dan Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh YB. Zuraida dan juga pada minggu lepas semasa lawatan Menteri Ekonomi, saya dah bangkitkan supaya pihak Persekutuan menyediakan, kita dah menyediakan tapak sebenarnya.

Contohnya di Lipis sendiri Tanjung Jambu ya, kita telah memohon, di Lanchang, Kampung Bongsu dah ada, banyak tanah-tanah kita telah disediakan oleh kerajaan negeri kita dah bagi kepada Kerajaan Persekutuan buat ya, tapi setakat ini apa yang difahamkan contohnya, SPNB ya, Syarikat Perumahan Negara Berhad, sebelum pada ini adalah di bawah MOF tapi pada... lepas PRU 14 ni, SPNB telah diletakkan di KPKT dan saya telah berbincang dalam mesyuarat berkenaan supaya banyak kawasan saya sendiri ye, Rumah SPNB ini yang dah *take off* dengan izin, ada peruntukan boleh diteruskan, tapi yang dah bagi geran sebagainya, dah janji nak buat banyak, apa yang difahamkan setakat ini selepas PRU 14, tiada peruntukan, *zero* ya.

Itu yang difahamkan oleh Kementerian kepada saya. Tak ada. Sebab perumahan ini adalah untuk mereka yang berpendapatan, yang golongan rendah ini yang perlu kita bantu. Pihak Kerajaan Negeri sendiri telah ada projek perumahan untuk mereka yang *affordable* dengan izin, yang berkemampuan, Rumah PRIMA, Rumah Makmurnya,



tetapi rumah yang di... untuk golongan yang berpendapatan rendah, rumah murah sebagainya adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Jadi kita mintalah rakan-rakan kita yang berada di sebelah sana, di bawah Pakatan Harapan, bantulah kerana ini adalah semua untuk kebaikan saya rasa. Kalau contoh Rumah SPNB, kalau pekerja-pekerja ladang ada tanah di kampung dan sebagainya boleh mohon tetapi setakat ini, sehingga hari ini, peruntukan untuk SPNB ini memang tidak ada ya, itulah apa yang saya boleh maklumkan. sekian terima kasih.

**YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN**

Soalan Tambahan.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ya, silakan Yang Berhormat

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Mohon memberi maklumat tambahan sedikit. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Padang Tengku, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada datang ke Kuantan, bertemu dengan saya dan saya telah bangkitkan perkara ini dan kita bagi tahu dalam perbincangan tersebut, mengatakan perkara ini telah pun dipohon sebelum PRU ke 14 dan saya harap perkara ini dapat dilihat semula terutama sekali Perumahan Awam Kos Rendah dan pihak menteri telah mengambil catitan dan mereka cuma semasa perbincangan tersebut dihadiri oleh semua Yang Berhormat EXCO Perumahan er... mengatakan beliau akan memberi perhatian yang serius dan cuma mintak Kerajaan Negeri pastikan tanah er..untuk tapak tersebut tidak bermasalah dan saya telah memberi jaminan bahawa tanah memang tidak ada masalah.

Malahan kita pun kenakan *charge* yang paling *nominal* untuk membuat Rumah Kos Rendah di Negeri Pahang ini. Jadi er... selepas daripada itu tidak ada apa-apa perkembangan walaupun saya minta pejabat saya berhubung kerana perkara ini sangat penting, kemudahan asas kepada rakyat. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Tabung Perumahan Rakyat dan kalau sekiranya tabung ini berjalan dengan lancar, ada kedudukan kewangan yang stabil, kita mungkin akan buat lebih kurang macam Rumah Mesra Rakyat, mana-mana rakyat yang ada tapak, nak rumah, dikenalpasti oleh pihak er... Ketua Kampung, JKK dan sebagainya kita akan bagi er... keutamaan.

Ini tidak bermakna masalah ini dapat diselesaikan tapi sekurangnya dapat meminimakan masalah perumahan yang dituntut oleh rakyat yang tidak mampu membeli Rumah PRIMA ataupun Rumah Makmur sebanyak... yang bernilai lebih kurang RM80,000.00. Itulah kedudukan semasa dia dan er... apa yang saya dapat tahu, setakat ini memang tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ya, Kemayan ada apa?



**YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN**

Boleh?

Saya ada beberapa soalan, mungkin ada dua, tiga tapi mungkin saya rumuskan jadi satu, dua lah.

Pertamanya, walaupun ini bersangkutan paut dengan FELDA, tapi kebetulan pula dalam FELDA pun ada satu unit, unit dipanggil FELDA Property. Yang pada ketika sebelum, pilihanraya yang sebelum ini FELDA Property ini masih wujud tapi sejak Kerajaan baru memerintah ni FELDA Property telah ditamatkan, telah ditutup.

Jadi, persoalan saya, ini sangkut dengan FELDA juga perumahan lah, Exco Perumahan dengan FELDA, itu pilih lah nanti siapa nak jawab? Ada projek-projek yang dah siap, yang bermasalah di bawah FELDA Property yang bermasalah. Siapa yang akan selesaikan? Bila FELDA Property dah ditutup, bagaimanakah FELDA nak selesaikan masalah ini? Banyak, terlalu banyak masalah. Rumah dah siap, dari segi gerannya tak keluar, rumah yang tanah dah kasi buat separuh, separuh jalan, FELDA Property dah cabut lari. Jadi ini antara kekusaran, antara masalah yang timbul di kawasan-kawasan kita, kawasan FELDA. Itu soalan pertama saya.

Soalan kedua saya, tadi rasanya jelas tapi bila Dato' Sri MB cakap tadi tentang Tabung Perumahan Rakyat itu, saya nak minta penjelasan sikit, sama ada Tabung Perumahan ini diuruskan oleh Kerajaan Negeri sendiri ataupun tetap masih melalui Bank? Ya, itu soalan kedua saya. Yang ketiganya...

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ada yang ketiga pula Yang Berhormat?

**YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN**

Sikit lagi.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Tadi dua.

**YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN**

Sikit je.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Okey.

**YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN**

Yang ketiga ini, kita sentuh dari syarat-syarat kelulusan. Ada disebut tentang pendapatan tetap. Sebenarnya, pekerja-pekerja ladang ini tiada pendapatan tetap. Dia bukan bergaji tetap, bukan bergaji bulan. Dia orang ini *piece rated*. Berapa hasil pada hari itu, itulah dapat dia. 10 tandan dia potong, 10 tandanlah upah dia. 20 tandan potong, 20 tandanlah upah dia. Jadi minta dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri tentang er... pendapatan tetap itu ya. Cukuplah tiga soalan. Terima kasih.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ya.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menjawab soalan nombor dua, Tabung Perumahan Rakyat. Selebihnya itu Exco Perumahan jawab.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Sila.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Tabung Perumahan Rakyat ini maksudnya ialah, yang pertama sekali apabila Kerajaan Negeri dapat er... mengesan ada pemaju-pemaju yang membuat rumah untuk mengelak daripada membuat rumah kos rendah er... 30% daripada apa yang sepatutnya. Katalah pemaju tersebut dia ada 10 ekar. Sebabnya Kerajaan Negeri mensyaratkan er... lebih daripada 5 ekar mesti buat rumah kos rendah 30%. Tetapi oleh sebab mereka ini pemaju ini cerdik dia nak untung yang maksima, walaupun dia ada tanah 10, 15 ekar, dia cuma mohon 4 ekar setengah. Haa... dia mohon 4 ekar setengah untuk mengelakkan daripada membina rumah kos rendah. Lepas itu dah siap, dia mohon pula lagi 4 ekar setengah. Jadi dia tidak dikenakan bina rumah kos rendah.

Jadi apabila kita Kerajaan Negeri dapat mengesan perkara ini, untuk mengelakkan perkara ini berlaku, kita telah er... membuat satu peraturan yang diluluskan oleh Exco. Mana-mana pemaju yang tidak berminat untuk membuat rumah kos rendah yang seperti mana yang disyaratkan ini, mereka dikehendaki membayar dalam bentuk Ringgit Malaysia kepada Tabung Perumahan Rakyat. Nilai tersebut yang akan dikira adalah sifir dia... sifir dan sebagainya dan ini telah diputuskan dan er... sekiranya mereka ingin buat rumah, tidak buat rumah kos rendah, mereka kena bayar kepada Tabung Perumahan Rakyat dan Tabung Perumahan Rakyat ini adalah untuk kita guna balik.

Sebagai contohnya ada 2,3 kawasan di Padang Tengku ada yang nak buat rumah, dia ada tapak sendiri, nilainya lebih kurang RM30,000, kita ambil duit daripada Tabung Perumahan Rakyat ini, itu maksud dia. Dan sekarang ini er... setakat hari ini ada satu dua dah lebih kurang tiga empat juta rumah rakyat yang akan bayar dan Kerajaan Negeri sedar kesan dia. Kesannya ialah akan wujud maknanya jurang maknanya nanti ada satu tempat nanti semuanya rumah mewah je, tidak ada rumah kos rendah. Tetapi Kerajaan Negeri juga perlu er... memastikan supaya mereka tidak mengelak daripada rumah kos rendah ini dengan cara memohon kurang daripada 5 ekar. Jadi kita tidak ada pilihan, kita bincang dalam Exco dan er... cara yang terbaik ialah supaya mereka boleh buat, tetapi mereka kena bayar 30% nilainya kepada Kerajaan Negeri untuk dimasukkan dalam Tabung Perumahan Rakyat.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Sila Wakil Kerajaan.

**YB. DATO' NAZRI BIN NGAH**

Menjawab berkenaan dengan masalah FELDA Properties, Kerajaan Barisan Nasional ketika dulu banyak mencadangkan memberi inisiatif untuk kemudahan harmoni peneroka-peneroka FELDA terutama generasi baru FELDA, anak-anak peneroka tetapi apabila Kerajaan Barisan Nasional kalah PRU Ke-14, banyak projek-projek inisiatif yang dicadangkan oleh kerajaan dulu telah ditangguh dan dibatalkan terutamanya pembatalan er... penamatan tentang FELDA Properties. FELDA Properties banyak melaksanakan kerja-kerja er... baik perumahan untuk generasi baru FELDA. Tetapi apakan daya hajat dihati nak peluk dulu, tetapi tangan tak sampai. Maka dalam kertas putih yang dicadangkan oleh FELDA, tidak banyak mencadangkan untuk kebaikan er... peneroka-peneroka FELDA tapi hanya banyak mencari kesalahan kerajaan dahulu. Jadi saya berharap antara gabungan PAS dan UMNO Pilihan Raya... PRU Ke-15 kita boleh memerintah balik Putrajaya dan kita akan selesaikan masalah dan segala urusan FELDA di negeri Pahang, sekian terima kasih.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Berhormat ya semua dah menjawab ya. Baiklah terima kasih kepada Yang Berhormat pihak kerajaan yang telah pun memberikan jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebanyak 12 soalan telah kita ajukan pada hari ini. Baiklah Yang Berhormat sebelum saya menangguhkan Sidang ini, sukacita saya memaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi Hijau dan Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang sekarang sedang bercuti ya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Fakhruddin kerana mengerjakan haji dan kita mengucapkan selamat pulang kepada Wakil daripada Lanchang Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar yang juga telah pun kembali daripada Tanah Suci, Alhamdulillah.

Baiklah Ahli Yang Berhormat saya bercadang untuk menangguhkan menempohkan mesyuarat ini untuk kita sama-sama...

**YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK**

Dato' Yang di-Pertua...

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ya.

**YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK**

Soalan saya belum lagi.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Yang Berhormat ada hajat apa ya?

**YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK**

Soalan saya No.12.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Oh, terima kasih Yang Berhormat. Tak saya sengaja nak menguji (Ahli Dewan ketawa) adakah Yang Berhormat sedar atau tidak dengan kedudukan ini. Sebab itu saya bercakap dalam ayat yang perlahan dan *slow*. Rupanya.... baiklah saya.... silakan Yang Berhormat, ulang lagi sekali, kemukakan soalan berikutnya ADUN daripada Chenor.

**YB. ENCIK MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK**

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya No.12.

[Apakah tindakan pihak kerajaan terhadap Syarikat J & S Holding yang gagal menyiapkan projek Perumahan Awam Kos Rendah Taman Jayadiri Chenor (PAKR)? Sedangkan syarikat telah mendapat hak milik tanah seluas 70 hektar sebagai ganti bagi menyiapkan rumah tersebut?]

**YB. ENCIK ABD. RAHIM BIN MUDA**

Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih kepada Chenor. Sebenarnya soalan ini telah dibangkitkan pada Persidangan Dewan yang lalu ya... tahun lepas. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, projek ini er... telah... sehingga kini ya 70% siap dan ini adalah satu projek er... Subsidi Bersilang Perumahan Penjawat Awam di Taman Jaya Diri di Chenor dan selepas daripada dibangkitkan dalam Dewan pada tahun lepas, saya telah buat lawatan pada 28 Ogos 2018 bersama orang Chenor sendiri untuk memastikan projek ini mesti diteruskan oleh pihak syarikat kerana ada beberapa perjanjianlah telah dimeterai antara pihak syarikat dan Kerajaan Negeri dan pada 28 Julai yang baharu lalu juga, saya telah melawat sekali lagi ke tapak ini dan setakat hingga tarikh berkenaan hingga hari ini kerja-kerja masih belum dilaksanakan.

Jadi satu mesyuarat penyelarasan antara pihak syarikat dengan pihak apa ni... Bahagian Perumahan 3 kali perjumpaan telah diadakan dan syarikat bersetuju dan Kerajaan Negeri juga bersetuju seperti mana yang termaktub di dalam er... perjanjian untuk meneruskan projek ini ya dan er... saya ingat dalam... saya rasa dalam setidak-tidaknya dalam sebulan ini kita akan selesaikan perkara-perkara yang perlu kita selesaikan yang tertangguh.

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah saya bercadang untuk menempohkan Sidang kita untuk kita sama-sama menikmati jamuan ringan selama satu jam. Saya kira masa satu jam sana pun banyak juga masalah-masalah boleh diselesaikan kerana Yang Berhormat berpeluang untuk berjumpa dengan Pegawai-pegawai Kerajaan dan kita boleh bersilaturahmi dan bertanya... mengisi masa yang rehat kita untuk sama-sama menyelesaikan isu-isu rakyat. Baiklah persidangan kita ditempokkan dan disambung semula pada jam 12.00 tengah hari. Terima kasih.

*[Mesyuarat ditempokkan jam 11.09 pagi]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### SETIAUSAHA

Perkara Ketiga : Rang Undang-Undang

**Rang Undang-undang Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2019 (DN 23/2019).**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

### BACAAN KALI PERTAMA

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959. Saya mohon mencadang.

**YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya menyokong usul ini.

### SETIAUSAHA

**“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959”**

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada majlis sekarang.

**YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

### SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan **Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2019**, dibaca bagi kali yang kedua.

### BACAAN KALI KEDUA

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon maklumkan bahawa

**“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959”**

telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan pada kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB. DATO’ SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN**

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong.

**YB YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2019, dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju, dan ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada.

Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**SETIAUSAHA**

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959.

**YANG DI-PERTUA DEWAN**

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

*[Cokmar diturunkan]*

**SETIAUSAHA**

Fasal 1;  
Fasal 2;  
Fasal 3;  
Dan Fasal 4;

**YB. Pengerusi**

Fasal 1;  
Fasal 2;  
Fasal 3;  
Dan Fasal 4;

Dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada Perbahasan.



Fasal 1 ;  
Fasal 2 ;  
Fasal 3;  
Dan Fasal 4;

menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujui. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada.

Fasal 1;  
Fasal 2;  
Fasal 3;  
Dan Fasal 4;

menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

**YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN**

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon menyokong Usul ini.

**YB. PENERUSI**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2019 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju kata setuju, yang tak bersetuju kata tidak. Tiada.

Majlis sekarang bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*[Cokmar dinaikkan semula]*

**BACAAN KALI KETIGA**

**YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa;

**Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959**



telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul itu.

**YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2019 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju kata setuju, yang tak bersetuju kata tidak. Tiada.

Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**SETIAUSAHA**

Rang Undang-undang ini boleh dinamakan Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2019, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

**USUL**

**SETIAUSAHA**

**Perkara Keempat : Usul Dan Memorandum**

Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2019 dan Memorandum Perbendaharaan Tambahan Pertama Belanja Pembangunan dan Perbekalan Air 2019 (DN 27/2019).

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

**YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya telah diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membawakan usul yang tersebut tadi. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang Mulia ini berbunyi,

**“Bahawa Dewan ini, mengikut syarat-syarat ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2019 daripada Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan Tambahan 2019 yang dibentangkan di dalam Persidangan ini, Kertas DN 27/2019.”**



Yang Berhormat Yang di-Pertua,

saya berharap pada usul yang saya bantah ini mendapat persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya diluluskan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

**YB. ENCIK LEE AH WONG**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul itu.

**YANG DI-PERTUA**

Usul ini dibuka untuk perbincangan.

Tiada. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalannya sekarang usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini, sila nyatakan "setuju".

**AHLI-AHLI DEWAN**

Setuju

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Usul tersebut diluluskan.

**SETIAUSAHA**

**Perkara Kelima: Laporan**

Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang DN 24/2019.

Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Majlis Sukan Pahang DN 25/2019

Laporan Ketua Audit Negara 2018:  
Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pahang  
Siri 1 DN 26/2019

**PENANGGUHAN**

**SETIAUSAHA**

**Perkara Keenam: Penangguhan**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

**YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

**YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Saya lihat Yang Berhormat ADUN Pelangai ingin menyampaikan sesuatu. Sila

**YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebelum Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat usul untuk menanggungkan sidang Dewan saya mohon izin untuk menyampaikan sedikit sebanyak pandangan saya dalam peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua ini.

Pertama sekali terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berucap sedikit dalam dewan ini sebelum penanggungkan. Yang keduanya saya ingin menarik perhatian bahawa dalam tempoh yang singkat ini kita telah menyaksikan beberapa peristiwa penting di negeri Pahang, pemahsyuran Tuanku Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selaku Sultan Pahang, pemahsyuran Tengku Puan Pahang selaku Tengku Ampuan Pahang, pemahsyuran Yang Amat Mulia Paduka Anakanda Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah selaku Tengku Mahkota dan Pemangku Raja Pahang, pemahsyuran Tuanku Sultan selaku Yang di-Pertuan Agong, pertabalan Tuanku Sultan selaku Yang di-Pertuan Agong. Ini semua adalah peristiwa yang penting kepada negeri Pahang. Tetapi satu peristiwa lagi pada 22 Mei kita dikejutkan dengan kemangkatan Almarhum Tuanku Sultan Haji Ahmad Shah. Walau apapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sekarang ini iaitu Yang di-Pertuan Agong merupakan raja yang juga prihatin.

Saya berumur 69 tahun, sejak kecil saya terdedah kepada pemerintahan Almarhum Tuanku Sultan Abu Bakar, kemudian itu Almarhum Tuanku Sultan Haji Ahmad Shah, saya selaku Orang Tua Menteri Besar selama 19 tahun dan sekarang ini Tuanku Sultan Abdullah. Saya dapati raja-raja di negeri Pahang, khususnya tiga yang terakhir ini, adalah raja yang sangat prihatin kepada rakyat berbeza dengan raja-raja di negeri lain.

Dan saya percaya Tuanku Sultan mewarisi sifat-sifat paduka ayahanda paduka nenda dan ternyata tuanku bijaksana, cakna pada rakyat, hal negeri dan sebagainya. Salah satu perkara yang menarik perhatian saya untuk saya ucapkan di sini ialah bagaimana selaku Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja, Tuanku selalu pada masa itu saya menjadi Orang Tua Menteri Besar menitahkan tentang kerisauan baginda mengenai hasil ataupun hal-hal kewangan dan negeri, baginda menitahkan kalau boleh dicari cara dan jalan bagaimana kewangan negeri dapat dipertingkatkan.

Saya tertarik pulak dengan usaha gigih Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini yang mencuba sedaya upaya memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk menambah hasil negeri. Hanya saya selaku ahli agak lama di dewan ini memberikan sedikit pandangan tentang beberapa perkara. Iaitu tanggungjawab kita sebagai kerajaan adalah untuk pastikan kestabilan politik, keluhuran undang-undang, *rule of law* dan err... keadilan dalam menjalankan pentadbiran dan pemerintahan.

Pada setiap masa kerajaan mesti sentiasa saksama, adil dan tidak menyusah atau membebankan rakyat. Ini adalah konsep kerajaan sebenarnya kalau kita belajar mengenai pentadbiran, mengenai undang-undang perlembagaan dan sebagainya inilah maksud kerajaan. Pastikan keamanan, keluhuran undang-undang, menguatkuasakan undang-undang, kemudian itu mengutip cukai, kemudian

menyebarkan atau membagi-bagikan cukai untuk memenuhi pentadbiran ataupun kos pentadbiran dan sebagainya.

Saya dapati Yang Amat Berhormat Menteri Besar rajin, dedikasi idea-idea baru dan baru-baru ini telah membuat rombongan untuk promosi pelaburan ke Singapura dan saya difahamkan akan terus ke negara-negara di ASEAN terutamanya seperti di Thailand dan sebagainya. Usaha ini adalah satu usaha yang baik kerana kita dapat lihat usaha kerajaan sebelum ini seperti mengadakan kawasan perindustrian di Gebeng itu telah mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 12,000 peluang pekerjaan. Maknanya kalau satu isi rumah itu empat orang yang makan bermakna 12,050 orang yang ditanggung kawasan perindustrian Gebeng. Hanya saya mengharap supaya dalam usaha kita untuk menambah hasil cukai dan sebagai ini ianya tidak nampak membebankan rakyat.

Saya ingin memberikan sedikit pandangan tentang premium tanah. Saya berharap kalau pun menaikkan premium tanah ini, janganlah dari 0.35 sen sekaki persegi dinaikkan terus RM5.00. Makna dari RM100,000.00 terus naik RM5 juta, contoh la. Ini akan membebankan err... pihak pelabur dan kalau kita ambil contoh di err... Terengganu, di Kemaman, di...di Terengganu ada satu kawasan er...perindustrian, saya terlupa pula nama dan er...di Kerteh.

Pada masa itu ditetapkan RM20.00 satu kaki persegi, orang datang. Tapi saya masih ingat lagi ketika menjadi ADUN, di Gebeng itu, kalau kita tetapkan kadar yang tinggi, orang tak datang. Itu sebab zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman dan juga Allahyarham Tunku Abdul Razak, kita adakan satu pendekatan yang dinamakan taraf perintis *pilot project* kita panggil. Maknanya setiap pelabur asing yang datang diberi pelepasan cukai 10 tahun, 20 tahun untuk diaorang datang dan melabur mewujudkan peluang pekerjaan.

Semua yang lain itu tidak ada faedahnya langsung kepada kerajaan. Jadi kalau premium tanah tu hendak dinaikkan, saya cadangkan biarlah berpatutan dan er...saya perhatikan kalau dilihat tanah milik arwah ayah saya, ada 5 ekar itu bayar RM18.00 je setahun. Yang ni boleh naik, boleh naik sikit, RM20.00, RM22.00. Begitu juga premium pembalakan, saya mengakuilah kerajaan perlukan kepada er...kewangan hasil tapi saya dapati ini ramai datang berjumpa saya.

Kenaikan banyak yang melebihi 200%. Kayu keras, berat contohnya cengal. Dulu RM21.00 sekarang naik RM134.40, 540%. Penaga RM7.00 jadi RM38.50, 450%. Resak RM12.00 jadi RM59.70, 398%. Begitu juga kayu keras sederhana jati RM21.00 jadi RM82.20. Kalau kayu yang lembut ini, spesies kayu, kayu keras ringan, mahogani RM7.00 jadi RM80.80 naik 1054%. Saya ini menyampaikan keluhan orang yang datang berjumpa. Mungkin *sawmill-sawmill* pun akan tutup. Bila *sawmill* tutup orang akan hilang pekerjaan. Saya pernah mengajar di Sekolah Menengah Ugama Simpang Pelangai, di situ ada sebuah *sawmill*, orang yang bekerja ni perempuan melayu, suri rumah, orang tua-tua dan sekarang ini pun ada lagi. Apabila *sawmill* ni tutup, salah satu *sawmill* tu menggaji 900...700 orang, 700 orang kali er...tanggung 4 orang, 2,800 orang, 3,000 pekerja. *Sawmill* ni tutup akan hilang pekerjaan, 3000 tak makan.

Saya mohon kalau boleh perkara ni kita pertimbangkan balik. Memanglah kita perlukan kewangan tetapi menaikkan cok...cukai sampai apa *the goose and the golden egg* lari pula, tak boleh juga. Biarlah angsa yang anu bertelur emas tu biarlah bertelur emas jangan dibunuh angsa tu. Jadi, saya berharap perkara ini boleh dipertimbangkan balik untuk mengelakkan pelabur lari, kilang balak tutup, kilang papan tutup, orang hilang pekerjaan tambahan pula zaman sekarang. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan



kerana menubuhkan Perbadanan Pasir Negeri Pahang. Ini satu langkah yang baik dan er...kita berharap dengan penubuhan Perbadanan ini, tidak menyekat peluang orang kecil-kecil untuk cari makan dan syukur alhamdulillah, saya diberitahu bahawa pasir ini akan dikawal sepenuhnya di daerah Pekan dan Rompin. Itu wajar sebab ada pasir laut yang mungkin perlukan perkapalan dan sebagainya tapi kalau setakat orang kecil-kecil mohon lesen pasir sikit sebanyak di daerah-daerah ini saya ingat biar teruskanlah. Kurang-kurangnya ada mereka untuk mendapat makan sikit sebanyak.

Saya difahamkan juga ada mesyuarat telah diadakan bukan dipengerusikan oleh Menteri Besar tetapi Jawatankuasa yang bercadang untuk menaikkan er...premium untuk TNB. Semua *pillar*, kemudian tu er...kabel lalu nak dicukai. Saya ingat ni langkah tak berapa betul sebab negeri lain tak buat perkara ni. Kalau kita nak kenakan premium, *sub section* boleh sebab *sub section* ada dia punya er...suratan hakmilik tapi kalau satu *pillar* enam ribu, beribu *pillar* di negeri Pahang ni, ratus juta TNB nak bayar. Saya percaya TNB akan naikkan tarif. Bila naikkan tarif nanti dan kita pun faham-faham Perbadanan Air Pahang pun berhutang dengan TNB dekat 500 juta dah. Kalau harini bi...er...TNB berhentikan bekalan ai...bekalan elektrik, jawab seluruh negeri Pahang tak berair. Jadi perkara-perkara ni saya harap dapat difikirkan, ditimbang oleh pegawai-pegawai sebelum bawa kepada pihak peringkat jawatankuasa, supaya kita tidak buat er...perkara-perkara yang boleh menyusahkan ramai orang.

Satu perkara yang saya patut ingatkan di sini juga ialah kerajaan dan juga agensi sepatutnya memudahkan bukan menyusahkan. Ini satu perkara yang patut saya ingatkan. Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang LYNAS. Saya tidak hendak menyentuhlah pembangkang dan sebagainya tapi saya pun dulu semasa memegang jawatan Menteri Besar ni telahpun diberi taklimat oleh pakar kepada segala pakar. Mereka menyatakan *radiation* mana-mana pun ada bahkan LYNAS itu sama dengan *handphone* dengan televisyen set je. Tapi kita fahamlah ini untuk modal politik.

Modal politik ni saya sokonglah DAP selagi sampai bila-bila boleh guna LYNAS ni guna LYNAS takpe, *carry on*. Jadi modal tapi orang tahu. Dia orang buat tunjuk perasaan anti-LYNAS. Nantilah satu hari kita atur pula tunjuk perasaan pro-LYNAS. Hah kita takda kerja lain, tunjuk perasaan je kerja. Dan saya berasa risau sikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkembangan terkini di negara kita, perkauman dan sebagainya. Ini adalah dia *build up* 13 Mei 1969. Masa tu saya 19...berumur 19 tahun. Dengan *Labour party* nya dengan DAP nya dengan er...er... *United Front* kepada parti Komunis Malaya membuat provokasi sebagai akhir-akhirnya Melayu bergaduh dengan Cina.

Cina ramai mati, Melayu lagi ramai mati tapi yang menarik dalam 13 Mei ini Melayu bergaduh dengan Cina, Cina bunuh Melayu, Melayu bunuh Cina, ada keluarga Cina menyelamatkan Melayu. Ada keluarga Melayu menyelamatkan Cina tapi *build-up* yang bawa kepada 13 Mei adalah serupa yang berlaku sekarang ni. *If you are not careful, they will be another racial right in time to come* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau dah panas ni tak cakap Melayu, cakap orang putih. Jadi kita jaga-jaga sikit. Kalau kita tengok contoh fahaman ugama tentang ugama, konflik ugama. Saya bukan nak kata apa, *I'm a muslim so is Zakir Naik but I don't agree the approach that he making. When he talk about Islam and comparing Islam with other religion, he shouldn't lamb us, he shouldn't wall up the other religion but that's what he's doing. If he just telling, informing about Islam, its okay. But when he talk bad about other religion, now that's crossing the line.*

Saya dalam hal ni, saya tak berapa menyokong Zakir Naik. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya punyai *complete set* buku dan juga CD Ahmad Widad dan juga buku dan CD Zakir Naik. Mereka ni punyai pengetahuan yang tinggi terutama Ahmad Widad tapi Zakir Naik ini, khususnya dalam ucapan, adalah provokatif. Dalam dia berucap, dalam dia menerangkan dalam buku agama itu, dia mencerca Kristian, mencerca Hindu yang ini orang marah. Ini pun satu perkara yang boleh menyebabkan timbul huru hara nanti. Tapi kita hanya berharap kerajaan akan dapat pertimbangkan apa cara tapi saya harap jangan dihantar balik ke India lah. Kalau hantar balik ke India dia mati. *Confirm, confirm*. Hantar tempat lainlah, Saudi ke mana. Bukan saya anti Islam, tidak tapi kita kena fikir juga walaupun Imam Syafie mengatakan er kalau orang kafir tu nanti saya tengok sikit dalam er...takut silap ya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dalam *handphone*.

Imam Syafie pernah pesan. Ini pesan Imam Syafie, “carilah ulama yang paling dibenci oleh orang kafir dan orang munafik dan jadikanlah ia sebagai ulama er... membimbing mu dan jauhilah ulama yang dekat dengan orang kafir dan munafik kerana akan menyesatkanmu, menjauhimu dari keredhaan Allah”. Kita tak tau lah Zakir Naik masuk kategori ini ataupun tidak tapi ini pesan... pesan Imam Syafie. Jadi saya berharap kita sebagai Ahli-ahli Dewan... mintak maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ini Ahli Dewan kecil je tapi buat seruan macam Perdana Menteri pula dah. Kita bertanggungjawab dengan rakyat masing-masing untuk mengingatkan. Kalau kita tidak nak bergaduh, kita kena rasional sikit sebab kita tak ada negeri lain. Melayu, Cina, India, kita tiada negeri lain. Ini negara kita. Tapi kalau kita ingat mengawal, menindas orang lain, tunggu la akibat. Yang susah nanti anak cucu kita. Itu saja lah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kalau ada salah silap, minta maaf pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau isi ucapan saya menyinggung tapi saya terasa terpanggil... bak kata orang sekarang ini saya terasa terpanggil untuk menyatakan apa-apa yang patut saya nyatakan tadi. Kalau ada boleh pakai, pakai lah. Kalau tak boleh pakai, tolak tepi lah. Makna kalau misalnya cukai balak tu patut naik, 3 ribu peratus lagi, naikkanlah. Kalau patut naik 5 ribu peratus lagi, naikkanlah. Kalau tak sesuai dengan apa yang saya ucapkan tadi. Terima Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat ADUN Pelangai yang telah mengambil masa lebih kurang 16 minit. Tak dapat sesiapa menafikan pengalaman ADUN Pelangai yang begitu sarat dengan pengalaman, pengetahuan dan sebagainya. Walau bagaimanapun kita tahu Yang Berhormat ADUN Pelangai seperti bapa menasihati anak-anak semua. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Besar dapat memikirkan dan melihat serta merenung perkara ini demi kepentingan kita bersama. Baiklah untuk itu saya jemput Yang Amat Menteri Besar membawa usul penangguhan.

#### **YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah syukur pada Allah mesyuarat Sidang Dewan kita akan berakhir sekejap lagi dan ini merupakan Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-14 pada hari ini. Walaupun er... mesyuarat kita ini agak singkat, separuh hari saja, tapi banyak juga perkara yang telah er... dapat ditanya oleh Ahli-ahli Dewan dan pihak kerajaan juga dapat menjawab sebanyak 12 soalan dikemukakan termasuk soalan tambahan hampir 40 dan alhamdulillah kita dapat juga mendengar pandangan daripada Yang Berhormat daripada ADUN Pelangai dan ini sedikit sebanyak boleh saya er... bukan menjawab cuma memperjelaskan lagi untuk maklumkan kita semua.



Sebelum saya pergi er... lebih jauh, saya ingin er... menjelaskan sedikit perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pelangai tadi. Yang pertama sekali ialah berhubung dengan Pengurusan Pasir Pahang Berhad. Sebenarnya bukan Perbadanan, ianya adalah Pengurusan Pasir Pahang Berhad dan memanglah setakat ini kerajaan negeri memberi tumpuan kepada Pekan dan Rompin sahaja dan ini adalah masih lagi di peringkat awalan. Ada banyak lagi kerja-kerja yang... ataupun peraturan-peraturan yang akan dikemaskinikan. Oleh sebab permintaan pasir ini terlampau tinggi, perlu disegerakan, jadi kerajaan negeri telah memutuskan untuk mengeluarkan secara peringkat-peringkat dan dalam masa yang sama penambahbaikan akan dibuat daripada semasa ke semasa. Bagi daerah-daerah lain, ianya masih terbuka sepertimana dahulu juga.

Berhubung dengan kenaikan er... premium ataupun aktiviti balak, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan telah pun dibincangkan dengan panjang lebar dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri dan saya telah minta Pengarah untuk membuat kajian, Pengarah Perhutanan, dan beliau telah pun mengemukakan cadangan dan memaklumkan kepada Sidang Dewan bahawa cukai balak di negeri Pahang ini telah tidak dinaikkan semenjak 31 tahun yang lalu dan er... oleh kerana Kerajaan Negeri menghadapi juga sedikit kekangan kewangan, maka saya telah minta supaya perkara ini dibincangkan dalam Kerajaan Negeri dan antara yang dibincangkan ialah yang pertama sekali saya masih ingat bahawa cukai balak ini, kualiti dan premiumnya adalah masih tidak melebihi negeri Perak, Kelantan dan Terengganu.

Selepas Kerajaan Negeri membuat keputusan saya didatangi oleh Persatuan Pembalok dan saya telah pun berjumpa dengan mereka, mereka telah berjumpa dengan saya untuk mengkaji semula dan meminta supaya er... dikurangkan sebanyak 20 peratus dan hasil daripada perbincangan tersebut saya telah menerangkan dengan jelas bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah naik semenjak 31 tahun yang lalu. Perak, Kelantan, Terengganu, 2 kali 3 kali naik dan apa yang di... dinaikkan ini pun masih lagi tidak melebihi daripada tiga-tiga negeri tersebut.

Dan er... secara kesimpulannya, saya telah bawa balik kepada Exco er... persatuan mohon 20 peratus dan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk potong lagi 10 peratus. Makna mereka minta kurang 20 peratus tapi Kerajaan Negeri bagi 10 peratus dan ini pada masa tersebut persatuan pembalok ini bersetuju dengan apa yang telah dibincangkan dan walau bagaimanapun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pelangai tadi, kerajaan negeri akan lihat semula, kaji semula dan er... kalau sekiranya ianya patut dikurangkan, kita akan kurangkan.

Er... berkaitan dengan lawatan ke Singapura, terima kasih kepada Dato' Sri Diraja kerana memberi pujian juga kepada Kerajaan Negeri dan kita telah mendapatkan hasil bukan hasillah er... nilai yang akan dibawa ke negeri Pahang ialah sebanyak 1.1 billion ringgit lebih kurang. Itu lah lebih kurang.

Dan berhubung dengan Lynas, saya hanya ingin menambah sedikit apa yang disampaikan oleh ADUN Pelangai tadi tetapi saya nak *quote* apa yang telah dinyatakan oleh beberapa orang pakar. Yang pertama sekali ialah er... saya ada kronologi dia bermula daripada tahun 2006... 2007 berhubung dengan Lynas Corporation ni. Tapi hari ni saya cuma nak tambah sikit apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat daripada ADUN Pelangai tadi ialah berhubung dengan kenapa Lynas ini kita teruskan dan yang terkini semalam pukul 12 waktu berita, Perdana Menteri telah nyatakan bahawa Lynas ini akan diteruskan, semalam dalam berita.

Pada hari ini saya nak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, satu kajian juga telah dibuat oleh panel pakar dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa pada Mei 2011 yang diketuai oleh Doktor Terowajeranta dan anggota panel lain 9 ahli profesional dalam pelbagai bidang dari negara-negara Kanada, Finland, India, Itali, Belanda dan United Kingdom berhubung dengan Lynas di negara kita ini.

Dan er... apa yang diperolehi daripada apa yang mereka kaji pada tahun tersebut juga, seorang lagi tokoh iaitu Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa Encik wik... Yukiya Amano yang berkunjung ke Kuala Lumpur, telah mengesahkan bahawa Lynas ini adalah selamat dan tidak memberi kesan pencemaran kepada alam sekitar. Yang keduanya, ia juga mendapati bahawa projek pemprosesan tanah jarang oleh Lynas ini adalah bebas daripada masalah radiasi sisa bahan radioaktif yang mengancam penduduk.

Seterusnya, Ahli Parlimen Kuantan sekarang ini, yang juga merupakan juga Timbalan Menteri er... pernah dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa penilaian Lynas dan beliau berhasrat untuk menjalankan tugasnya secara adil. Tetapi yang menghairankan kita ialah beliau telah menolak tawaran sebagai pengerusi. Ini pada inilah setelah Kerajaan Pakatan Harapan memerintah dan saya juga ingin menyebut di sini bahawa pada Disember 2018, sebuah jawatankuasa penilaian...penilaian yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan menerusi Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim telah membuat keputusan bahawa, tiada sebarang petunjuk mengenai peningkatan konsentrasi logam berat dalam air bawah tanah berhampiran dengan kilang Lynas disebabkan operasi kilang berkenaan.

Dan begitu juga pada 31 Mac baru-baru ini, Pengurus Besar Pematuhan Keselamatan Pengawasan Radiasi Lynas, Professor Ismail Bahari dilaporkan berkata, sisa radioaktif sangat rendah yang dihasilkan oleh Lynas dan ianya bukan satu-satunya sisa yang dikeluarkan di Malaysia kerana industri minyak dan gas, industri perlombongan timah, juga mengeluarkan sisa-sisa radio aktif. Dan banyak lagilah yang boleh saya bagi tahu, tapi setakat ini itu je. Maknanya tujuan saya bagi tahu ini, ini adalah kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pakar, bukan kita sebagai *layman* atau bukan kita sebagai hanya nak tunjuk kita ni kononnya menentang ataupun mencari popularity dan sebagainya. Ini adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh mereka yang berkeelayakan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Berbalik pada sidang Dewan kita pada hari ini, saya juga ingin nak merakamkan dan ingin mengambil kesempatan di sini, untuk menceritakan beberapa peristiwa penting yang berlaku terutama sekali ialah berhubung dengan kemangkatan Almarhum Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah. Almarhum Paduka Ayahanda telah meninggalkan kita dalam usia 89 tahun pada jam 8.50 pagi hari Rabu bersamaan 22 Mei, ia juga bersamaan dengan 13 Ramadhan 1440 Hijrah atau hari cuti umum sempena hari Nuzul Quran.

Berita kemangkatan ini benar-benar mengejutkan kita semua, seterusnya meletakkan seluruh negeri malah negara sekali pun dalam keadaan yang muram serta teramat dukacita. Seterusnya apabila tiba hari pemakaman sehari selepasnya pada Khamis 23 Mei, begitu sayang dan kasihnya rakyat-rakyat jelata ke sisi Almarhum Paduka Ayahanda sehinggakan lautan mereka menghadiri istiadat pemakaman baginda di Makam di Raja Bandar di Raja Pekan. Dan kini, sedar tak sedar cuma tinggal 10 hari saja lagi menjelang Khamis 29 Ogos bersamaan dengan 28 Zulhijjah 1440 Hijrah yang merupakan genaplah 100 hari Almarhum Paduka Ayahanda meninggalkan kita.



Semoga Allah SWT melimpahkan rahmat atas roh baginda dan menempatkan roh baginda dalam kalangan para syuhada, insya-Allah.

Oleh itu Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam marilah kita bersama-sama menyedekahkan surah Al-Fatihah ke sisi roh Almarhum paduka ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Muadzam Shah. Bagi mereka yang bukan beragama Islam bolehlah bertafakur (Al-Fatihah).

Bak kata pepatah "Patah Tumbuh Hilang Berganti". Alhamdulillah naiklah ke atas takhta menggantikan Almarhum Paduka Ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Al-Mustafa Billah Shah sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Yang Ke-6. Namun dengan kehendak Allah SWT juga, tidak berapa lama selepas itu telah menjadi rezeki Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang mana telah dimasyhur kemudian ditabalkan sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16. Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku telah berlangsung dengan gah dan gemilang menuruti adat istiadat Melayu yang jati pada hari Selasa 30 haribulan Julai bersamaan dengan 27 Zulkaedah 1440 Hijrah dan tarikh keramat ini juga adalah bersamaan dengan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang dengan itu jugalah, Kerajaan Negeri mengisytiharkan cuti umum selama 2 hari pada 30 dan 31 Julai.

Ianya teramat membanggakan rakyat jelata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang telah menaiki tahta pemerintahan negeri dan negara dalam jarak masa yang teramat dekat. Dan rakyat-rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku penuh keyakinan betapa sepertimana cemerlangnya pemerintahan di bumi Pahang Darul Makmur ini, begitu jugalah bakal dikecapi oleh bumi Malaysia nanti, insya-Allah. Patik serta seluruh pacal-pacal kepimpinan negeri serta Ahli-ahli Dewan negeri ini mendoakan semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan, kecerdasan...kecergasan taufik dan hidayah ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku untuk terus memerintah negeri dan negara dengan jayanya.

Dengan keberadaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di sisi serta paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hasanal Ibrahim Alam Shah dan Paduka anakanda-anakanda serta paduka cucunda matlamat ini pasti juga tercapai.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Semasa tempoh persidangan ini juga, telah berlaku satu lagi peristiwa yang besar iaitu dengan pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Tengku Hasanal Ibrahim Alam Shah sebagai Pemangku Raja Pahang pada 29 Januari lepas bersamaan dengan 23 Jamadil Awal 1440 Hijrah. Sehubungan itu, sukacita patik merakamkan secara rasmi pada Persidangan Dewan Negeri ini persembahan ucapan setinggi-tinggi tahniah menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga dengan pemasyhuran ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dapat terus menggerakkan pemerintahan yang berdaulat dan berkesan demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat jelata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sekalian.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,



Tidak sampai dua minggu lagi negara kita akan merayakan Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan Yang Ke-62 pada 31 Ogos ini. Bersempena dengan ini, sukacita saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan Ke-62 kepada seluruh rakyat jelata di negeri Pahang. Tema sambutan kali ini sepertimana ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan ialah "Sayangi Malaysiaku, Malaysia Boleh". Sama-samalah kita menghayati dan yang lebih penting lagi mengamalkan apa saja yang telah disarankan agar ianya dapat bersama-sama menjayakan dengan secemerlang mungkin negara Malaysia yang tercinta.

Saya juga ingin mengambil kesempatan disini untuk menyeru pada Ahli-ahli Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin tempatan, supaya dapat mengibarkan bendera Malaysia ataupun Jalur Gemilang dan letakkan di kereta masing-masing. Kerana ada yang mengatakan ada pemimpin yang cakap tak serupa bikin. Kita suruh rakyat pasang bendera, di kedai, di kereta tapi kereta kita sendiripun tak ada bendera Malaysia. Jadi saya ingat elok kita semua ni Ahli-ahli Yang Berhormat 42 ini termasuk ketua-ketua jabatan, kita pasang dulu di kereta kita. Dan saya difahamkan kali ini ada jenis yang tahan. Kalau dulu kita letak, kena angin bendera pun terbang. Kali ini dia ada ubah suai sikit, katanya lebih tahan. Dan sebelum saya menangguhkan, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana seperti biasa dapat mengawal, mengatur, mengendalikan Dewan dengan cemerlang tapi pada kali ini nampak Yang di-Pertua tidak bagi peluang langsung kepada Timbalan Yang di-Pertua (Ahli Dewan ketawa)

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Dia berehat dulu Yang Berhormat.

#### **YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

Saya rasa mungkin ada sebab. Mungkin Timbalan Yang di-Pertua pun tidak pernah bagi peluang kepada Yang di-Pertua apabila berada di tempat lain. Jadi, saya juga ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, PDRM, anggota keselamatan RELA dan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Jadi, dengan kata-kata itu dengan lafaz [Ayat al-Quran] Wabillahi taufik wal hidayah, saya tangguhkan Persidangan Mesyuarat. Saya mencadangkan ditangguhkan.

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Terima kasih Yang Berhormat. Sila sokong...

#### **YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

#### **YB. YANG DI-PERTUA DEWAN**

Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah sampai ke penghujungnya. Izinkan saya mengucap... mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama yang amat baik kepada saya dan setiap persidangan di Dewan Yang Mulia ini.

Dalam beberapa bulan dan tahun, landskap politik negara kita melalui berbagai-bagai ujian dan cabaran. Alhamdulillah kita di negeri Pahang ini, berada di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail dan barisan Exco, negeri Pahang terus berada dalam suasana yang tenteram, stabil dan sejahtera, ekonomi terus berkembang, pelaburan baru sedang giat dilaksanakan dan projek-projek rakyat juga berjalan lancar dengan cara yang tersendiri. Sesungguhnya kerja kuat serta usaha yang bersungguh-sungguh, semangat padu di semua peringkat, kerjasama yang mantap serta falsafah menarik yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, "Bekerja sebagai satu *team* dan bekerja sebagai satu keluarga" telah memberi rahmat kepada rakyat dan kita semua.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin utama di barisan hadapan, pamerkanlah sikap dan kualiti diri yang dinamik, pemikiran yang matang, adil dan bijaksana, rajin dan dedikasi agar rakyat dapat menilai semula dan meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin yang dipilih dan yang terpilih.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan yang telah sentiasa sahaja memberi perkhidmatan yang terbaik untuk membantu saya dalam menjalankan setiap kali mesyuarat diadakan. Perkhidmatan yang terbaik, terbilang dan cemerlang ini dan cekap adalah menjadi harapan kita bersama-sama di negeri Pahang yang tercinta ini.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat pulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jagalah kesihatan diri, di samping terus bekerja keras dan mensejahterakan rakyat demi masa depan negeri kita yang tercinta ini. Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, marilah bersama-sama kita membaca surah Al-Asr. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah SWT [Bacaan Ayat Al-Quran].

Saya tangguhkan Mesyuarat pada tengah hari ini dan berjumpa semula di mesyuarat yang akan datang yang akan ditentukan masanya kelak. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari. Sekian, terima kasih.

*[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari]*